

"IAITU beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir bolehlah dia berbuka, (jika dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) iaitu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada membayar fidyah), jika kamu mengetahui".
- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 184.

PENGHANTARAN BANTUAN KEMANUSIAAN KE PALESTIN



DANA daripada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah digunakan untuk menghantar bantuan kemanusiaan dalam bentuk barangan ke Palestin secara air drop (payung terjun). - Foto : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (Lihat muka 3)

Tadarus Al-Quran imarahkan Ramadan

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diadakan bagi malam ketiga di Surau, Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 3

Memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan penuh hormat sukacita menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang



Depan Yang Lebih Makmur".

>> Muka 4



Berita Utama



PLATFORM memperkasa usahawan tempatan

Muka 16



PUSAT Ehsan terima sumbangan 40 hamper

Muka 19



IBTE, PUJA sepakat memacu kecemerlangan kejuruteraan seni bina

Muka 22



OBESITI memudaratkan kesihatan

Muka 28

Penyakit diabetes kekal punca utama penyakit buah pinggang

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma
Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Penyakit diabetes masih kekal sebagai punca utama penyakit buah pinggang peringkat akhir di Negara Brunei Darussalam (NBD) di mana ia menyumbang 74 peratus daripada semua pesakit penyakit buah pinggang peringkat akhir di negara kita.

Walaupun terdapat pelbagai punca penyakit buah pinggang lain, kawalan faktor risiko utama seperti diabetes dan darah tinggi tetap menjadi asas penjagaan untuk penyakit buah pinggang kronik.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap demikian dalam perutusan Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersempena dengan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024 dengan tema tahun ini ialah 'Kesihatan Buah Pinggang untuk Semua - Memantapkan Akses Rawatan yang Saksama dan Amalan Ubat yang Optima (Kidney Health For All - Advancing equitable access to care and optimal medication practice)'.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menjelaskan bahawa peningkatan kesedaran tentang faktor risiko ini, di samping amalan gaya hidup yang sihat dan mematuhi rejimen rawatan, boleh membawa manfaat yang ketara, terutamanya jika langkah-langkah ini dimulakan dari awal dan dikekalkan secara konsisten.

>> Muka 18

Sambut Ramadan dengan hati terbuka

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu
'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

RAMADAN datang lagi, satu bulan, yang darjatnya sangat tinggi di sisi Allah. Pada bulan inilah, diwajibkan kita berpuasa, diturunkan kitab suci Al-Quran dan di dalamnya disediakan satu malam yang lebih baik atau lebih utama dari seribu bulan.

Bayangkan, seribu bulan itu berapa tahun? Kira-kira 83 tahun. Itulah nilai pahala bagi satu malam Lailatulqadar sama dengan pahala 83 tahun. MasyaaAllah, betapa luar biasanya bulan Ramadan itu.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memberitahu dalam sebuah hadis Baginda, maksudnya : "Mula-mula Ramadan itu ialah rahmat, di tengah-tengahnya pengampunan dan diakhirnya kemerdekaan dari api neraka".

Dari hadis ini, alangkah beruntungnya siapa yang dapat berpuasa sebulan penuh : Di awalnya akan mendapat rahmat, di tengah-tengahnya mendapat keampunan dan di akhirnya mendapat kebebasan dari api neraka.

Oleh itu, marilah kita sama-sama memasang niat untuk berpuasa sebulan penuh bagi meraih pahala yang dijanjikan.

Beta berharap, jangan siapa yang rimas dengan Ramadan, tetapi bersedialah menyambutnya dengan hati terbuka, bukan merasa tertekan dan dukacita kerana terpaksa berpuasa dan dahaga.

Inilah masanya kita akan mengaut pahala sabar, lebih-lebih lagi sabar di bulan

Ramadan yang tidak sama dengan sabar di lain-lain bulan. Kerana Ramadan itu sendiri dinamakan ia 'Bulan Sabar', sebagaimana maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : "Ramadan adalah 'Bulan Sabar', dan sabar pula balasannya ialah syurga".

Marilah kita sama-sama berazam untuk menghayati Ramadan. Hidupkan ia dengan ibadat puasa, dengan membaca Al-Quran dengan qiamullail, dengan Tarawih, dengan zikir, dengan sedekah dan lain-lain amal soleh.

Beta difahamkan berdasarkan riwayat, bahawa semua pintu langit dan pintu syurga adalah dibuka pada bulan Ramadan, manakala pintu-pintu neraka pula ditutup, sekalian iblis dan syaitan dirantai, supaya mereka tidak dapat mengacau kaum Muslimin dalam masa berpuasa. Satu sembahyang sunat dalam bulan Ramadan, dikira sama pahalanya dengan sembahyang fardu pada lain-lain bulan dan satu sembahyang fardu pula dalam bulan Ramadan pahalanya adalah sama dengan 70 fardu pada lain-lain bulan.

Demikian keistimewaan Ramadan itu. Kita di negara ini sangat beruntung kerana dapat merebut fadilat Ramadan tanpa sebarang gangguan. Negara kita alhamdulillah, telah ditakdirkan aman, berbanding di sebahagian tempat di dunia, ada yang dilanda oleh pelbagai musibah, seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, peperangan dan lain-lain, yang semua itu boleh menjadikan ibadat, tidak boleh dilakukan dengan sempurna.

Kita hanya mampu untuk membayangkan betapa deritanya mereka, dan selebihnya hanya Allah jua yang Maha Mengetahui lagi Maha Mengasihani.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan amat sukacita mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini,



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.

semoga kita sama-sama dapat menunaikan kewajipan berpuasa tanpa sebarang halangan atau gangguan.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
Mac MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	SABTU	5	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.40	6.32	7.41
17	AHAD	6	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.32	7.40
18	ISNIN	7	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.38	6.31	7.40
19	SELASA	8	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40
20	RABU	9	4.57	5.07	6.24	6.47	12.29	3.36	6.31	7.40
21	KHAMIS	10	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.36	6.31	7.40
22	JUMAAT	11	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Blissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

16 MAC 2024

Tingkatkan kesedaran dalam menjaga buah pinggang

SYUKUR Alhamdulillah, rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) sangat bertuah kerana perkhidmatan kesihatan di negara ini mudah diakses oleh semua. Walaupun dengan pemberian pelbagai rawatan dan ubat-ubatan secara percuma, masih terdapat segelintir pesakit kurang menghargai ubat-ubatan yang diberikan oleh doktor.

Bahkan, ada yang lebih cenderung untuk mengambil ubat tradisional atau suplemen yang belum terbukti keberkesannya dan risikonya, sehingga terlambat dan merosakkan buah pinggang mereka.

Di seluruh dunia, lebih daripada 850 juta orang dianggarkan menghidap penyakit buah pinggang kronik (CKD). Penyakit buah pinggang adalah punca kematian kelapan tertinggi di seluruh dunia, menyebabkan lebih daripada 3.1 juta kematian pada tahun 2019. Jika tidak ditangani, CKD dijangka menjadi penyebab utama kematian kelima pada tahun 2040.

NBD juga tidak terkecuali, secara purata dalam tiga tahun kebelakangan ini, dari tahun 2021 sehingga 2023, seramai 199 pesakit buah pinggang peringkat akhir telah meninggal dunia setiap tahun.

Pada tahun 2023, Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Buah Pinggang Brunei Darussalam telah mencatat 1,018 orang mengalami penyakit buah pinggang peringkat akhir; dan 278 pesakit baru disenaraikan dalam program dialisis dan pemindahan buah pinggang.

Penyakit diabetes masih kekal sebagai punca utama penyakit buah pinggang peringkat akhir di NBD di mana ia menyumbang 74 peratus daripada semua pesakit penyakit buah pinggang peringkat akhir di negara kita.

Walaupun terdapat pelbagai punca penyakit buah pinggang lain, kawalan faktor risiko utama seperti diabetes dan darah tinggi tetap menjadi asas penjagaan untuk penyakit buah pinggang kronik.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersempena dengan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024 dengan tema tahun ini ialah Kesihatan Buah Pinggang untuk Semua - Memantapkan Akses Rawatan yang Saksama dan Amalan Ubat yang Optima.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menjelaskan bahawa peningkatan kesedaran tentang faktor risiko ini, di samping amalan gaya hidup yang sihat dan mematuhi rejimen rawatan, boleh membawa manfaat yang ketara, terutamanya jika langkah-langkah ini dimulakan dari awal dan dikekalkan secara konsisten.

Marilah kita sama-sama menjaga kesihatan badan kerana ia adalah anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan kesihatan yang baik, insyaaAllah kita akan dapat menjalani kehidupan yang indah dan bahagia bersama orang yang disayangi.

— Ketua Penyuntingan (Ad)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله فرینت فلس سنڊیرین برحد، نڬارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

TADARUS AL-QURAN IMARAHKAN RAMADAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada majlis tersebut.

>> Muka 1

Hadir sama, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd Hanifah.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mat Jaya bin Haji Ibrahim.

Disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari JPM; serta pegawai dan guru agama dari Jabatan Pengajian Islam.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dana

daripada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 (TKP 2023) berjumlah USD1,050,000.00 (yang dianggarkan sebanyak BND1,399,545) telah digunakan untuk menghantar bantuan kemanusiaan dalam bentuk barangan ke Palestin secara *air drop* (payung terjun). Bantuan berkenaan berupa

Penghantaran bantuan kemanusiaan ke Palestin

PENGHANTARAN bantuan kemanusiaan dalam bentuk barangan ke Palestin secara *air drop* (kiri, kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

paket makanan yang siap sedia untuk dimakan (*meals ready to eat*) yang tahan lama yang jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 5,920 paket.


Setiap paket makanan mengandungi hidangan sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam untuk seorang.

Negara Brunei Darussalam (NBD) selamat membuat penghantaran pertama pada 13 Mac 2024 yang merangkumi dua kali *air drop* dan ia dilaksanakan dengan menggunakan pesawat Tentera Udara Jordan.

Air drop berkenaan disasarkan pada persisiran pantai di utara Gaza yang menempatkan ribuan rakyat Palestin yang terperangkap di kawasan berkenaan.

Acara penyerahan sumbangan berkenaan diadakan di Lapangan Terbang Tentera King Abdullah II dan dihadiri oleh pihak Kedutaan Besar NBD di Amman, Jordan dan pihak Kerajaan Hashimiyah Jordan.

Sementara itu, pelaksanaan dua *air drop* selanjutnya dijadualkan secara berasingan pada sebelah petang, hari ini dan 15 Mac 2024 di tempat yang sama.



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MEMELIHARA KESTABILAN POLITIK, MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Perkara itu dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-12 pagi tadi.

Seterusnya, JPM sebagai agensi utama dalam menerajui dan menyelaras pelaksanaan fungsi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam katanya, menjunjung sepenuhnya hasrat titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam terus meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan sebagai pemangkin kepada pembangunan perekonomian negara yang berdaya tahan serta menjaga kepimpinan, keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara serta rakyat dan penduduk di negara ini.

Tambahnya, ia adalah selaras juga dengan visi Pelan Strategik JPM iaitu kepimpinan dan tadbir urus yang cemerlang dan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan itu, JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya tegasnya, menyasarkan

pelaksanaan anggaran perbelanjaannya berasaskan usaha-usaha mendukung tiga keutamaan belanjawan negara yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat menjelaskan, keutamaan pertama iaitu meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam, yang mana JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus bertindak merangka strategi ke arah memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara serta menyokong usaha-usaha berkaitan pertahanan dan hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa termasuk perencanan kebangsaan dalam memerangi ancaman kepada keselamatan.

Justeru, agensi-agensi keselamatan negara tekannya, akan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan khasnya orang awam sebagai penekanan kepada pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation.

Dari aspek kemajuan dan pembangunan sosial di negara ini pula katanya, pembentukan sosial *blueprint* akan menjadi dokumen utama dalam penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan dasar strategi dan program yang berkaitan.

Ia juga diselaras dengan keutamaan-keutamaan Wawasan Brunei 2035 khasnya kepada matlamat 2 iaitu kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

"Kebekesanan dan mutu

perkhidmatan berkaitan menjaga keselamatan awam akan terus sahaja diberikan perhatian dan keutamaan. Ia dilaksanakan menerusi kerahan tenaga kerja secara berancang dan perolehan aset secara berhemat serta penggunaan yang optimal.

Sebagai misalannya, ke arah memastikan kelancaran operasi dan meningkatkan keberadaan agensi penguatkuasa di seluruh negara, penggunaan kenderaan dan motosikal dilaksanakan di bawah Projek Perancangan Perolehan Aset Pasukan Polis Diraja Brunei bagi kegunaan Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

"Kepentingan memelihara kesejahteraan awam juga turut dititikberatkan menerusi peranan agensi-agensi media rasmi kerajaan iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan.

Agensi-agensi berkenaan akan terus bekerjasama dengan setiap kementerian, jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi berkanun dalam sama-sama memastikan maklumat-maklumat berkaitan kerajaan adalah betul serta penyiarannya teratur dan cepat kepada umum," terangnya lagi.

Antara pendekatan yang dimaksudkan jelasnya, termasuklah penerbitan program radio dan televisyen, penerbitan akhbar rasmi kerajaan iaitu Pelita Brunei dan juga pelaksanaan program-program kemasyarakatan di peringkat akar umbi dan kenegaraan.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Tidak kurang pentingnya ialah peranan yang diambil di peringkat JPM sendiri, khasnya penggunaan platform multimedia terkini dalam menyalurkan maklumat sebagai misalannya Pejabat Wawasan Brunei melancarkan aplikasi Instagram rasmi @wawasanbrunei2035 dan juga laman sesawang matlamat pembangunan yang berdaya tahan (Sustainable Development Goal-SDG Tracker) dan aplikasi Instagram rasmi @sdg_brunei.

Manakala Jabatan Mufti Kerajaan, selain penerbitan makalah Al-Hadaf dan terbitan-terbitan yang lainnya secara rutin juga telah memperkenalkan saluran YouTube dan aplikasi Instagram rasmi @jmkbrunei.

Yang Berhormat menyatakan, usaha-usaha sedemikian bertujuan agar semua



pihak khasnya orang ramai memperoleh maklumat terkini dan betul mengenai usaha-usaha dan kemajuan dalam bidang-bidang berkenaan selain menjadi landasan bagi perkongsian kemajuan di peringkat antarabangsa dan menggalakkan kerjasama serta meningkatkan tindakan bersepadu senegara, serantau dan antarabangsa.

"KEPENTINGAN memelihara kesejahteraan awam juga turut dititikberatkan menerusi peranan agensi-agensi media rasmi kerajaan iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan. Agensi-agensi berkenaan akan terus bekerjasama dengan setiap kementerian, jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi berkanun dalam sama-sama memastikan maklumat-maklumat berkaitan kerajaan adalah betul serta penyiarannya teratur dan cepat kepada umum," terangnya lagi.

Penaiktarafan prasarana sistem bekalan tenaga elektrik jadi keutamaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Usaha-usaha terus dipertingkatkan dalam memastikan sumber minyak dan gas adalah mencukupi dan adanya kesinambungan bagi bekalan tenaga dalam negeri, khususnya bekalan tenaga elektrik dan bahan api termasuk produk petroleum dan tong LPG.

Bekalan tenaga yang berterusan adalah penting dalam mendukung pertumbuhan aktiviti-aktiviti ekonomi negara dan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menekankan demikian pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-12 pagi tadi, di sini.

Bukan itu sahaja, JPM melalui Jabatan Tenaga tegasnya, amat menitikberatkan keberlangsungan bekalan tenaga. Dengan pelaksanaan projek pembangunan yang berterusan di bawah Peruntukan Belanjawan Tahunan dan juga Rancangan Kemajuan Negara sebelum ini, NBD telah berjaya mempertingkatkan kedudukan indeks *reability* bekalan tenaga elektrik atau System Average Interruption Duration Index (SAIDI) secara signifikan sejak di antara tahun 2013 hingga ke tahun 2022 iaitu di tahap yang setaraf dengan yang terbaik di rantau ini.

Namun tegas Yang Berhormat, seperti juga dalam utiliti-utiliti pembekal tenaga negara lain, negara Brunei tidak terlepas daripada cabaran insiden gangguan bekalan tenaga yang tidak dijangka-jangka yang mana pada lazimnya disebabkan oleh infrastruktur sistem yang gagal untuk berfungsi di tahap optima dan juga perkara-perkara yang di

luar kawalan.

Oleh yang demikian, keutamaan adalah diberikan kepada penaiktarafan prasarana sistem bekalan tenaga elektrik dari segi pengukuhan, pembaikan dan pembaharuan. Ini katanya, termasuk meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) dan penyelenggaraan pembetulan (*corrective maintenance*). Pada sistem penjanaan, sistem rangkaian penghantaran (*transmission*) dan pembahagian (*distribution*) dan juga lampu-lampu jalan.

Dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan-perkhidmatan kritikal yang terkesan oleh insiden gangguan pembekalan tenaga elektrik, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik tambahnya, giat memperbaiki tindakan balas khususnya melalui Pelan Kesinambungan Operasi (Business Continuity Plan) yang lebih berintegrasi di antara pihak-

pihak kerajaan yang berkaitan.

Tambahnya, ini termasuk memastikan ketersediaan bekalan tenaga dari saluran dan sumber alternatif termasuk genset bergerak bagi menampung bekalan pada situasi gangguan yang di luar jangkaan.

Dalam terus memenuhi keperluan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, usaha-usaha untuk meningkatkan kapasiti bekalan giat dilaksanakan, ke arah ini, pembinaan Stesen Janakuasa Bukit Panggal Fasa 2, telah direncanakan dan dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2027.

Yang Berhormat menjelaskan lagi, keutamaan turut diberikan bagi memperluaskan penyediaan perkhidmatan bekalan tenaga elektrik ke kawasan-kawasan pedalaman termasuk Mukim Sukang dan Melilas, Daerah Belait yang mana sudah mula menerima bekalan secara berfasa.

Bagi bekalan bahan api untuk

kegunaan dalam negeri, dengan adanya loji penapisan minyak di Pulau Muara Besar, bekalan produk petroleum akan sentiasa dapat dijamin dan had minima stok negara (*country wide stock*) kekal di tahap 21 hari pada setiap masa.

Manakala bagi tong LPG pula, had minimum stok negara kekal akan ditingkatkan daripada 7 hari kepada 14 hari mulai tahun ini bagi memastikan bekalan adalah lebih tinggi daripada kadar permintaan pada masa ini. Pelan kontingensi bekalan LPG yang merupakan langkah jangka masa yang pendek juga diperkuatkan melalui pengimportan LPG secara 'bulk' untuk seterusnya diproses bagi pembotolan di kilang LPG, Lumut.

Sebagai jaminan masa jangka yang panjang, insyaaAllah, sebuah kilang pembotolan baharu menurut Yang Berhormat akan dibangunkan di Pulau Muara Besar pada tahun 2026 dengan kapasiti yang lebih tinggi dan konsep reka bentuk yang lebih cekap.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



KE ARAH MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PERKHIDMATAN AWAM

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Ke arah mendukung sebahagian keutamaan pertama, khususnya meningkatkan produktiviti awam Jabatan Perdana Menteri (JPM)

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif menjurus kepada meningkatkan lagi tahap produktiviti dalam perkhidmatan awam dan mutu perkhidmatan yang disediakan bagi orang ramai dan pihak swasta.

Inisiatif-inisiatif ini antara lainnya termasuk peralihan sebahagian daripada peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ke kementerian-kementerian bagi pengambilan jawatan-jawatan Bahagian 2 ke bawah yang mana ia adalah bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengisian jawatan kosong. Selain daripada itu, usaha untuk

menambah baik Sistem Public Service Commission Recruitment 2.0 (PSCR 2.0) dan Public Service Commission Computerised Assessment Management System (PSC CAMS) juga diteruskan dalam penambahan dan penambahbaikan *features* agar proses jawatan kosong dapat dipercepatkan.

Perkara itu digariskan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-12 pagi tadi, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, pelaksanaan fasa kedua bagi Sistem Sumber Manusia (SSM) yang mana model-model berkaitan

pengurusan sumber manusia dan *payroll* dilancarkan.

Pelancaran model-model ini katanya, akan mengurangkan lagi proses kerja yang dilaksanakan secara manual termasuk keupayaan bagi perolehan data secara digital dengan cepat. Ini setentunya dapat menyumbang kepada pengurusan sumber manusia dan pelaksanaan proses kerja yang lebih efisien dan bersistematik.

"Anugerah Inovasi Perdana (AIP) akan terus diadakan pada setiap tahun bagi mempergiatkan usaha-usaha serta memupuk budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam," ujarinya.

Sejak AIP bermula pada tahun 2019 sehingga 2023 sebanyak 50 projek telah diterima dan 39 daripadanya telah dipertandingkan bagi penganugerahan tersebut, di samping itu melaksanakan

bengkel membangunkan rangka kerja bagi mengukuh tahap produktiviti di sektor awam di peringkat ASEAN yang mana bengkel ini adalah merupakan antara inisiatif di rangka kerja ASEAN Cooperation of Civil Service Matters (ACCSM) 2021 - 2025.

"Di mana hasilnya nanti akan dapat membantu dalam merancang, meneroka, membentuk dan melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah meningkatkan produktiviti awam khususnya bagi negara ini dan terus melaksanakan dan memastikan program-program latihan kepada pembangunan keupayaan dan kemahiran yang diteraskan perkembangan teknologi di samping membudayakan inovasi dalam pelaksanaan tugas seharian," ujar Yang Berhormat lagi.

Mengembangmajukan kemahiran penjawat awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus melaksanakan program-program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan kemahiran para penjawat awam di negara ini.

Sebagai usaha pembaharuan, pelaksanaan program-program di bawah Civil Service Leadership Pipeline (CSLP), untuk pertama kalinya Program Executive Development Programme for Senior Government Officers (EDPSGO) Kali Ke-30 pada tahun lalu telah dikendalikan dengan kerjasama pihak Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore.

Justeru adalah diharapkan kepakaran ini dapat memberikan impak positif kepada pembelajaran yang lebih komprehensif dan mendorong para peserta program untuk mempraktikkan daya pemikiran yang berasaskan *solution centered* di samping menerapkan keupayaan dalam membuat keputusan yang lebih berkesan dan penghasilan cadangan dasar dan projek yang inovatif dan bersifat transformatif.

Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengetengahkan mengenai perkara itu Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-12 pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, program-program peningkatan

kapasiti yang lainnya seperti Young Executive Program (YEP); dan Executive Development Programme for Middle Management Officers (EDPMMO) akan terus dilaksanakan termasuk penelitian terhadap keberkesanannya agar perisiannya akan kekal relevan dan memberikan impak signifikan yang diharapkan.

Selain program dalam negara, berhubung kerjasama dengan negara luar turut diberikan keutamaan antaranya adalah program perkembangan perkhidmatan awam yang merupakan sebuah program penempatan kerja penjawat awam negara ke Republik Singapura.

Program selama satu tahun ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan memperkemaskan jangkauan profesional para peserta menerusi pengalaman kerja secara langsung dan kefahaman tentang amalan-amalan terbaik yang dapat diterapkan di dalam bidang fokus masing-masing.

"Setakat ini, seramai sembilan orang pegawai yang merupakan kohort pertama mengikuti program berkenaan pada tahun lepas, dan akan dilaratkan kepada pegawai-pegawai lain pada tahun ini. Di samping itu, program pertukaran Perkhidmatan Awam yang dikenali sebagai Echelon Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus dikendalikan melibatkan penyertaan pegawai-pegawai kanan di Perkhidmatan Awam di kedua-dua buah negara," tambahnya.

Sudah setentunya kerjasama seumpama ini jelasnya, dapat memberikan manfaat bukan

sahaja dalam meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai yang menyertai khasnya menerusi pertukaran idea, perkongsian pembelajaran yang berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan amalan-amalan terbaik; dan perkongsian ilmu pengetahuan, malah akan mengukuhkan lagi jaringan kerjasama (*networking*) dan hubungan baik antara kedua buah negara yang telah sekian lama terjalin.

Dalam mengukuhkan lagi keupayaan penjawat awam di negara ini yang merentasi kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA) menurutnya, kini giat mengukuhkan dan mengemas kini Rangka Kerja Pembangunan Keupayaan Perkhidmatan Awam atau Public Service Capability Development Framework secara ringkasnya PSCDF.

Rangka kerja ini merupakan pembaharuan dalam ekosistem pembangunan keupayaan Perkhidmatan Awam melalui penilaian keupayaan dan kebolehan tenaga kerja dalam melaksanakan strategi, inisiatif dan program kementerian dan jabatan.

Menerusi agensi-agensi kerajaan katanya, akan dapat mengenal pasti jurang, keupayaan individu dan seterusnya membolehkan perancangan dan pelaksanaan latihan yang disesuaikan dengan keperluan individu berkenaan. Ini adalah penting kepada meningkatkan prestasi kerja di peringkat individu dan kesan limpahan positifnya terhadap organisasi dan Perkhidmatan Awam amnya.

Yang Berhormat berkata, dalam mewujudkan tenaga kerja tempatan yang *employable* dan *marketable*, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia dan Pusat Pekerjaan Brunei melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) atau Manpower Planning and Employment Council (MPEC), dan kerjasama institusi-institusi pendidikan negara ini melaksanakan usaha berterusan dengan menyediakan program-program seperti i-Ready, Program Study and Professional Institution SPIN, Skills Plus, Technical and Vocational Education Training (TVET), Tradeskills dan Program Jati diri yang mendukung usaha-usaha ke arah pembangunan modal insan yang dinamik, proaktif dan inovatif.

Dalam pada itu, bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anak-anak tempatan pada peringkat profesional selain penyediaan rangka kerja kompetensi seperti Brunei ICT Industry Competency Framework, dan Brunei Darussalam Marine Competency Framework, Program TechInspire Apprenticeship Program, Clinical Supervisory Program (CSP) dan iLeap Flexi ujarinya, telah diperkenalkan yang menyediakan program latihan di dalam bidang ICT, Kesihatan dan Minyak & Gas, ke arah memastikan kemahiran anak tempatan disejajarkan dengan keperluan industri dan ekonomi.

Selain itu, dalam usaha menarik minat anak-anak tempatan untuk bekerja di sektor swasta, *salary guideline* juga telah diperkenalkan yang menggariskan maklumat gaji jawatan-jawatan tertentu, dan

bagi membantu syarikat-syarikat swasta dalam menyediakan pakej gaji yang lebih kompetitif

Tidak terkecuali ialah penganjuran program bagi peringkat akar umbi, kendalian Pusat Pekerjaan Brunei, yang melibatkan penghulu mukim dan ketua kampung (di antaranya adalah Ahli-ahli Yang Berhormat berada di dewan yang mulia ini) untuk berganding bahu dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh anak-anak kampung, terutamanya dari segi hal ehwal pekerjaan.

"Melalui program ini, taklimat mengenai skop kerja, inisiatif serta program yang diunkayahkan, telah diberikan dan sesi dialog juga dilaksanakan," ujarinya Yang Berhormat Pehin lagi.

Melalui sesi dialog tersebut tambahnya, penghulu mukim dan ketua kampung berkesempatan mengongsikan isu-isu, pandangan dan cadangan penambahbaikan dalam sama-sama berusaha ke arah mengurangkan kadar pengangguran serta meningkatkan pengambilan pekerjaan dan kemahiran dalam kalangan anak-anak tempatan di Negara Brunei Darussalam.

Malahan, dalam menjaga kebajikan peserta-peserta program-program tenaga manusia yang dikendalikan, inisiatif-inisiatif seperti pemberian *on-boarding pack*, pemantauan dan penilaian berkala melalui lawatan-lawatan, penyediaan borang maklum balas dan nombor talian juga telah diperkenalkan oleh Pejabat Perancangan Tenaga Manusia.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



KADAR PENGANGGURAN MENUNJUKKAN TREND BERKURANGAN

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sharizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan penjelasan lebih lanjut mengenai kadar pengangguran yang mana ia adalah berdasarkan kepada Kajian Tenaga Kerja (KTK).

"KTK ini dijalankan berdasarkan kaedah pensampelan sistematik dan data yang diperoleh adalah *calibrated* berdasarkan penduduk di negara ini.

"Kadar pengangguran adalah mengambil kira jumlah penganggur, iaitu golongan yang tidak bekerja dan sedang mencari pekerjaan daripada jumlah tenaga kerja", jelas Yang Berhormat lagi.

"*Individual* yang sedang bekerja tidak kira sama ada *pay-scale* yang diterima tidak berdasarkan pencapaian pendidikan mahupun bekerja di dalam jenis pekerjaan sementara atau Program Perantis.

"Mereka adalah dikira sebagai golongan yang bekerja dan adalah termasuk sebagai sebahagian daripada tenaga kerja," Yang Berhormat Menteri menjelaskan demikian bagi menjawab soalan

yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mengenai kadar pengangguran dan strategi atau langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil pihak MPEC setelah kontrak para *apprentice* i-Ready berakhir pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri, pengiraan ini adalah selaras dengan metodologi piawaian antarabangsa ataupun dari International Labour Organization yang biasanya diguna pakai oleh di negara-negara lain termasuk negara *kitani*.

Selain itu tambah Yang Berhormat Menteri, beberapa negeri lain seperti negeri-negeri jiran ini juga mengukur kadar pengangguran jangka masa panjang atau juga dikenali sebagai *long term unemployment rate*.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menjelaskan kadar

tersebut mengambil kira hanya golongan yang tidak bekerja, sedia untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan berpanjangan selama tempoh satu tahun atau lebih.

"Bagi Negara Brunei Darussalam kadar pengangguran jangka masa panjang telah menunjukkan trend yang menurun, iaitu dari 4.3 peratus pada tahun 2019 kepada 2.4 peratus pada tahun 2022.

"Mengenai strategi atau langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh pihak MPEC setelah kontrak para perantis i-Ready berakhir, pihak Sekretariat Tetap MPEC melalui JobCentre Brunei telah dan sedang melaksanakan beberapa usaha ke arah memastikan individu-individu ini tidak perlu berbalik semula kepada pengangguran.

"Objektif utama Program Perantis i-Ready adalah untuk memberikan pengalaman dan kemahiran kerja di sektor swasta mahupun kerajaan selama 18 bulan.

"Pada masa yang sama juga, ia dapat membantu dalam meningkatkan *marketability* dan *employability* graduan - graduan tempatan," ujar Yang Berhormat Menteri.

Jelas Yang Berhormat Menteri lagi, dalam memastikan

tahap kualiti Program i-Ready sentiasa terjamin serta meningkatkan bilangan anak tempatan mendapat pekerjaan, pihak JobCentre Brunei telah mengambil beberapa langkah-langkah, iaitu memperketatkan lagi proses pemilihan syarikat yang mengikuti program ini seperti mengutamakan syarikat-syarikat yang memberikan Conditional Offer of Employment setelah selesai tempoh perantisan dan setakat ini, sebanyak 70 peratus perantis di sektor swasta telah ditawarkan Conditional Offer of Employment; nama-nama perantis ini juga dimasukkan ke dalam senarai pencari kerja atau *talent pool* di JobCentre Brunei dan dikongsikan dengan syarikat-syarikat yang mencari pekerja tempatan dari masa ke masa, melalui usaha *job matching*; dan para perantis juga digalakkan juga mengikuti inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti yang dijalankan oleh Sekretariat Tetap MPEC seperti Program Skills Plus dan inisiatif yang diunkayahkan Bersama Manpower Industry Steering Committee.

Dengan usaha berterusan dari semua pihak tambah Yang Berhormat Menteri, ia akan dapat sama-sama membantu dalam menangani isu pengangguran



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

khususnya kepada anak-anak tempatan seperti yang dihasilkan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Membangun ekonomi tanggungjawab semua pihak

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan memang Jabatan Perdana Menteri atau pun melalui juga Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain untuk meningkatkan lagi usaha *kitani* ataupun di *strategise* lagi dasar-dasar *kitani* untuk *kitani* lebih berjaya untuk menarik

pelabur-pelabur dari negeri-negeri asing.

Jadi perkara ini memang satu usaha berterusan yang *dicoordinate* di bawah Economic Blueprint.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjawab soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof mengenai

dengan JPM sebagai *leading agency*, terutama sekali atasi isu *unemployment* pengangguran, ekonomi dan sebagainya.

"Memang terlibat semua pihak seperti kaola pernah kongsi di dewan yang mulia ini, membangun ekonomi atau sama-sama menarik FDI ke dalam negeri ini, adalah tanggungjawab semua pihak.

"Itulah kerjasama di antara semua kementerian dan juga pihak swasta adalah penting untuk *kitani* sama-sama menjayakan agenda tersebut," ujar Yang Berhormat Menteri lagi pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Seterusnya mengenai dengan Jawatankuasa Audit, Yang Berhormat Menteri ada mengongsikan sebelum ini, memang Jawatankuasa Audit memang diteruskan berfungsi dan pada Ogos 2020, nama Jawatankuasa Audit ditukar nama jadi Jawatankuasa Audit Kebangsaan.

Jadi sebelum itu tambah Yang Berhormat Menteri, dari tahun

2016 ada juga satu Jawatankuasa Ad Hoc Disiplin ditubuhkan.

"Jadi memandangkan keahlian bagi kedua-dua jawatankuasa ini lebih kurang sama, jadi pada September tahun 2022, kedua-dua jawatankuasa ini digabungkan menjadi satu jawatankuasa sahaja, dinamakan Jawatankuasa Audit Kebangsaan ataupun Jawatankuasa Audit Kebangsaan dan Ad Hoc Disiplin.

"Setakat ini, sejak kaola sendiri mempengerusikan jawatankuasa tersebut, telah mengadakan lapan mesyuarat dalam dua ke tiga tahun yang lepas dan dalam jawatankuasa ada juga mengatasi isu laporan-laporan dari Jabatan Audit sejumlah 166 laporan.

"Pada masa ini, 59 laporan telah selesai, jadi yang tinggal lebih kurang 100 lebih laporan masih lagi dalam perbincangan dengan Jabatan Audit dan memang ini satu usaha yang diteruskan untuk menyelesaikan laporan-laporan audit memandangkan kebanyakan isu dalam laporan audit ini ada menyentuh mengenai dengan Peraturan Kewangan Kerajaan sama ada rasuah ataupun salah guna kewangan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

"Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah ada beberapa sesi perjumpaan dengan pegawai-pegawai kanan, sama ada yang terlibat dalam laporan audit ataupun *inda*," kata Yang Berhormat Menteri.

Menurut Yang Berhormat Menteri lagi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi rasa adalah satu isu yang serius perlu *kitani* mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kanan supaya apa yang *kitani* sering lihat dalam laporan audit ini *inda* akan terus terjadi.

"MEMANG terlibat semua pihak seperti kaola pernah kongsi di dewan yang mulia ini, membangun ekonomi atau sama-sama menarik FDI ke dalam negeri ini, adalah tanggungjawab semua pihak.

"Itulah kerjasama di antara semua kementerian dan juga pihak swasta adalah penting untuk *kitani* sama-sama menjayakan agenda tersebut," ujar Yang Berhormat Menteri lagi pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



INISIATIF PENGGUNAAN SOLAR PANEL MAMPU TURUNKAN HARGA MASA DEPAN

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Dari segi *climate change* ini, ia akan menubuhkan lagi pekerjaan yang baharu *especially on the green economy* dan sebagainya.

We need new engineers yang pakar dalam pembangunan dan penggunaan teknologi tenaga yang boleh diperbaharui.

So, the renewable energy expertise and so on dan a new job opportunity bagi kita, jadi kita mesti membuat persediaan untuk menyambut peluang-peluang ini.

Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan mengenai perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

"Dari segi ekonomi, kaola rasa juga ini satu isu yang *actually* akan memanfaatkan kita dan kalau kita lihat sahaja pada masa ini, *power generation* kita menggunakan gas, kalau sekiranya kita dapat menggunakan *renewable energy*, gas kita dapat kita jual atau dimajukan *downstream industry* dan sebagainya.

"Jadi *this is actually* yang positif bagi ekonomi kita dan jadi kita menggalakkan kalau negeri lain seumpamanya, solar panel dan sebagainya kalau banyak negeri lain menggunakan solar panel dan bateri, mungkin harga masa depan akan menurun," kata Yang

Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri seterusnya berkata jadi kita ambil peluang, kalau harga menurun, kita mengikut juga mengadakan solar *energy* dan sebagainya dengan harga yang rendah, kita dapat menjimatkan gas kita untuk memajukan *downstream industry* dan sebagainya.

Itulah tambah Yang Berhormat Menteri, *this is positive* dan kita mesti juga memainkan peranan dengan negeri-negeri lain untuk sama-sama mengatasi isu *climate change* ini, tapi buat-buat itu, mungkin kita *will also benefit* dari segi pekerjaan dan ekonomi.

Sementara itu, mengenai dengan reputasi dan *crisis management* terhadap gangguan-gangguan elektrik yang telah pun terjadi dua kali pada tahun lepas contohnya insiden gangguan bekalan elektrik pada bulan Oktober dan penutupan loji BLNG pada bulan Jun pada tahun 2023 yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan insiden-insiden gangguan bekalan elektrik, JPM melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE)

telah mengambil pendekatan pengurusan insiden yang mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui langkah-langkah pemulihan yang cepat, selamat dan bersepadu.

Antara langkah-langkah tindak balas tersebut tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, adalah pertama, pengaktifan Pelan Kesenambungan Operasi atau Business Continuity Plan seperti pengerahan *mobile genset*, *crisis management team*, Standard Operating Procedure yang ketat selaras dengan *best industry practices*, untuk memastikan impak yang terkawal.

Kedua kata Yang Berhormat Menteri, tindakan yang bersepadu dan kerjasama rapat daripada kesemua pihak untuk memastikan impak yang terkawal terhadap perkhidmatan-perkhidmatan kritikal.

"Dan yang terakhir, pihak jabatan juga akan menyampaikan maklumat yang terkini kepada orang ramai secara berterusan melalui pelbagai kaedah termasuk media sosial, berita televisyen dan di radio serta melalui saluran aplikasi WhatsApp yang sedia ada di antara pihak JPE bersama kesemua penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin

Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait," ujar Yang Berhormat lagi.

Kira-kira 700 anak tempatan bekerja di Hengyi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Mengenai dengan kursus kelamaan prosesnya untuk membenarkan sehingga satu kursus ini mengambil masa lapan minggu baharu ada kebenaran, jadi insyaaAllah kalau sekiranya dapat *kitani* memendekkan lagi masanya insyaaAllah MPEC dan JobCentre akan melihat dan meneliti prosesnya.

Seterusnya, mengenai dengan Hengyi, FDI, kesannya dari segi *human resource* dan setakat ini, Hengyi mengambil kira-kira 700 anak tempatan bekerja di Hengyi.

"Jadi, kaola belum ada terdapat berapa orang sebenarnya telah berhenti dan sebagainya.

"Jadi, kalau dilihat jumlah anak-anak tempatan bekerja di Hengyi ini, ia meningkat tetapi tidak meningkat secepatnya atas sebab-sebab yang tertentu.

"Jadi, apa sebabnya *durang* ini berhenti daripada Hengyi itu, kadang-kadang ada yang *reasonnya* dibagi *because* *durang* ada *alternative* *job opportunity* sudah, *durang* mungkin ada kena *offer* tempat lain ataupun ada yang rasa, *this job is not for me*, sebab itu *durang* berhenti, ada yang kan menyambung belajar lagi, jadi ada yang sebahagian orang yang berhenti ia *personal reason*, tidak dikongsikan dengan syarikat itu, *payahkan kitani* tahu 100 peratus

apa sebabnya," ujar Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Sementara itu, mengenai soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa mengenai cadangan untuk mewujudkan jawatan pemandu wanita di jabatan-jabatan kerajaan bagi pegawai-pegawai kerajaan kanan, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyatakan kurang pasti apa respons yang telah disampaikan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, namun demikian, sebagai jawapan sukacita dimaklumkan bahawa skim iklan bagi jawatan pemandu adalah dibukakan kepada pemohon lelaki dan wanita dengan berpandukan syarat-

syarat kelayakan minima bagi mengisikan jawatan berkenaan.

Di antara skop tugas dan tanggungjawab jelas Yang Berhormat Menteri, ialah berkebolehan menjaga keselamatan dan kebersihan serta memastikan kenderaan yang dipandu dalam keadaan baik dan selamat dan ketersediaan untuk bertugas pada bila-bila masa jika diperlukan termasuk di luar waktu bekerja yang biasa.

"Walaupun dalam skim ada menyebutkan keutamaan adalah diberikan kepada calon lelaki namun pengambilan pemandu-pemandu bagi pegawai-pegawai kanan adalah berpandukan kelayakannya, berkesanggupan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkenaan serta lulus sesi temu duga tanpa



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

mengira jantina (*gender*)," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Di antara skop tugas dan tanggungjawab jelas Yang Berhormat Menteri, ialah berkebolehan menjaga keselamatan dan kebersihan serta memastikan kenderaan yang dipandu dalam keadaan baik dan selamat dan ketersediaan untuk bertugas pada bila-bila masa jika diperlukan termasuk di luar waktu bekerja yang biasa.



SEBAHAGIAN yang hadir pada persidangan berkenaan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MEMPERKUKUH PENGURUSAN, PEMBANGUNAN SUMBER TENAGA MANUSIA DI SEKTOR TENAGA

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Menyentuh mengenai Sektor Tenaga, inisiatif dalam memperluaskan lagi peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan khususnya di syarikat-syarikat pengendali utama minyak dan gas termasuk juga syarikat-syarikat industri Sektor Hiliran Minyak dan Gas, giat dilaksanakan selaras dengan matlamat Arahan Bruneianisation (Bruneianisation Directive).

Manakala Arahan Pembangunan Perniagaan Tempatan untuk Industri Minyak dan Gas (Local Business Development Directive for the Oil and Gas Industry) akan terus memainkan peranan penting dalam penyediaan ekosistem yang kompetitif bagi Perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) tempatan sebagai misal program i-Usahawan.

Perkara itu digariskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis

Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-12 pagi tadi.

Menurut Yang terhormat, usaha-usaha juga dilaratkan kepada mengukuhkan lagi pengurusan dan pembangunan sumber tenaga manusia di Sektor Tenaga. Justeru, pembangunan kapasiti kemahiran dan kompetensi pegawai dan kakitangan yang mampan, latihan-latihan yang berbentuk teknikal dan khusus serta pengendalian *coaching programme* akan terus saja dilaksanakan melalui Rangka Kerja Kecekapan Sumber Manusia atau Human Resource Competency Framework (HRCF).

Secara keseluruhan terangnya, usaha-usaha memperkasa tenaga manusia di negara ini dipandu oleh Manpower Blueprint yang diterajui oleh JPM melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan bersama Kementerian Pendidikan, sebagai panduan kebangsaan bagi agensi pelaksana dan pihak-pihak berkepentingan merangka pelan strategik di peringkat kementerian dan sektor-sektor lain, di samping mensejajarkan dasar pendidikan, latihan dan tenaga manusia, serta haluan strategik ke arah

perancangan tenaga manusia yang berkesan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan objektif Maqasid Syariah.

Dalam mendukung ketiga-tiga keutamaan belanjawan Yang Berhormat huraikan tadi, dari sudut tadbir urus Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 di bawah Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana selaras dengan usaha mengukuhkan lagi urus tadbir Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035. JPM melalui Pejabat Wawasan Brunei sedang melaksanakan inisiatif bagi mendapatkan Sijil Pengiktirafan Sistem Kualiti Pengurusan (ISO Certification) bagi Pejabat Wawasan Brunei.

Inisiatif ini akan memberikan penilaian terhadap keberhasilan pencapaian Wawasan Brunei 2035 termasuk verifikasi ke atas KPI's Kebangsaan melalui perspektif dan pengesahan bebas, peningkatan kualiti Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 termasuk kualiti KPI's Kebangsaan, penekanan kepada data dan pembuatan keputusan berasaskan bukti dan

pengenalpastian dan pengurusan risiko yang boleh menjejaskan pencapaian Wawasan Brunei 2035 melalui pemikiran berasaskan risiko.

“Sukacita juga peramba / kaola / saya memaklumkan bahawa usaha-usaha Tahun Kewangan 2024/2025 ini juga dihasratkan untuk mendukung program Fiscal Consolidation dalam memastikan perbelanjaan secara berhemat dan berkeutamaan tinggi (*priority spending*) yang menekankan *value for money* di samping terus memastikan kawalan dalam adalah mencukupi berkaitan pengurusan kewangan setiap jabatan ke arah mencapai keberhasilan yang dihasratkan menerusi perbelanjaan tersebut,” jelasnya.

Kesimpulannya, JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya tegas Yang Berhormat, akan sentiasa terpadu oleh keutamaan-keutamaan di bawah setiap matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan terus menekankan pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation dalam perencanaan dan pelaksanaan strategi-strategi yang diterajui.

Oleh yang demikian, JPM terangnya lagi, juga akan terus berusaha dalam menguruskan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

perbelanjaan yang diperuntukkan secara berhemat dan memastikan setiap perbelanjaan akan menghasilkan impak positif dan bermakna kepada pembangunan negara serta setiap rakyat dan penduduknya.

Berasaskan itu, JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, bagi Tahun Kewangan 2024/2025 telah disokong untuk disediakan peruntukan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah sebanyak BND566,321,410, iaitu sebanyak BND321,284,710 bagi Gaji Kakitangan dan BND245,036,700 bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Giat berusaha mempelbagaikan ekonomi negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-12 pagi tadi, menegaskan JPM melalui Jabatan Tenaga terus giat berusaha dalam mengekalkan Sektor Hulu bagi tujuan mendukung usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi negara yang secara langsung dalam memperkembangkan lagi Sektor Hiliran Minyak dan Gas.

Kita terus mensyukuri nikmat dalam mana kita masih mampu bertahan mengeluarkan minyak dan gas semenjak tahun 1929. Walau bagaimanapun, sektor hulu adalah semakin mencabar dari segi teknikal, komersial dan *economical*.

Menyentuh mengenai keutamaan Kedua, iaitu Memupuk Kepelbagaian Ekonomi yang Mampan, Jabatan Tenaga di JPM dan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan prospek pengeluaran terus mengutamakan persepaduan dengan semua pihak bagi memastikan operasi yang optima dalam jangka masa yang pendek.

Manakala bagi jangka masa sederhana dan panjang pula untuk mempertingkatkan

kebolehlaksanaan projek-projek pemajuan padang dan aktiviti eksplorasi sepertimana juga seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengekalkan dan mengaktifkan hala tuju pengeluaran Sektor Hulu.

Ke arah mendukung usaha-usaha ini, sebuah Jawatankuasa Pandu Pertumbuhan Hulu menurutnya, telah pun ditubuhkan bagi pendekatan yang lebih berintegrasi yang boleh mempercepatkan pelaksanaan.

Pada 2023 Projek Kemajuan Baharu, iaitu Projek Salinan telah mula menghasilkan *first oil* dengan pengeluaran daripada telaga-telaga baharu juga turut berjaya dipercepatkan.

Dalam memajukan Sektor Hiliran, Perjanjian Pelaksanaan (Implementation Agreement) bagi Projek Kemajuan Pulau Muara Besar Fasa 2 telah pun ditandatangani pada bulan November tahun lepas di antara pihak Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam dan pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) bersama pihak syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. bagi memperkembangkan sektor hiliran minyak dan gas di negara ini ke arah mendukung dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dan Economic Blueprint Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menjelaskan, fasa 2 ini dijangka akan mula

beroperasi pada tahun 2029 dan akan menumpukan kepada produk-produk baharu hiliran yang mempunyai nilai yang lebih tinggi yang mula menambah lagi produk-produk seterusnya bagi perkembangan kegiatan hiliran lanjutan.

Ini tambahnya, akan mengukuhkan lagi nilai rantai bekalan sektor hiliran dan secara tidak langsung mengukuhkan lagi kedudukan keterjaminan tenaga negara dan terus memainkan peranan sebagai pembakar sulung rasmi negara bagi membekalkan produk-produk petroleum seperti *gasoline*, diesel dan Jet-A1 dan bakal dikeluarkan, iaitu LPG, yang mana produk-produk ini memenuhi piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dari segi kualiti produk, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE).

Di samping itu, Fasa 2 ini dijangka akan meningkatkan lagi peluang-peluang pekerjaan dan perusahaan baharu bagi anak-anak tempatan.

Dalam memastikan sektor tenaga secara keseluruhannya adalah lestari dan rendah karbon pula terang Yang Berhormat Pehin, JPM melalui Jabatan Tenaga akan terus memberi fokus terhadap inisiatif-inisiatif seperti pengoptimuman operasi, kecekapan dan penjimatan tenaga serta penggunaan teknologi dan tenaga alternatif yang mula diperbaharui, khususnya tenaga solar (suria).

“Projek Tenaga Suria 30 Megawatt di Kampung Belimbing

Subok pada masa dimajukan sedang ini akan mula beroperasi pada tahun 2025, manakala yang selainnya termasuk Projek Tenaga Suria yang dimajukan oleh pelbagai agensi, termasuk syarikat-syarikat pengendali seperti sistem solar berskala besar anjuran TotalEnergies Brunei dengan kapasiti 12 megawatt yang dijangka menghasilkan *first power* pada awal tahun 2025,” ujarnya.

Ke arah ini, beberapa tapak perairan (*floating solar*) katanya, telah dikenal pasti sebagai tapak-tapak sistem loji tenaga suria. Pembangunan tenaga suria yang berskala kecil dan sederhana juga akan diusahakan untuk menggalakkan orang ramai memasang sistem tenaga solar secara sukarela.

Dengan memastikan teknologi alternatif ini adalah mampu milik bagi menggalakkan penggunaan tenaga suria yang lebih berleluasa, Jabatan Tenaga telah menekan terus mekanisme kos yang paling berkesan. Walau bagaimanapun, harga keseluruhan pembekalan dan pemasangan sistem solar adalah juga dipengaruhi oleh faktor-faktor pasaran.

“Dalam memajukan dan mempercepatkan projek-projek tenaga yang boleh diperbaharui dan lebih berintegrasi, satu Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga telah pun ditubuhkan dalam melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan seperti

yang peramba / kaola / saya telah kongsikan pada minggu lepas. Input daripada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat-sangat dialu-alukan juga oleh Jabatan Tenaga di JPM,” tambahnya.

Bagi mencerminkan komitmen kerajaan dalam menerajui usaha-usaha penjimatan tenaga pula, Jabatan Tenaga tekan Yang Berhormat lagi, giat bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain menerusi *energy managers* yang dilantik masing-masing untuk mengamalkan penjimatan dan kecekapan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan termasuk mengadakan pengauditan tenaga.

“Penubuhan ASEAN Centre for Climate Change (ACCC) atau Pusat Perubahan Iklim ASEAN di Negara Brunei Darussalam juga menekankan komitmen negara terhadap usaha-usaha berkaitan perubahan iklim selaras dengan hasrat ke arah menjana pembangunan negara dan ekonomi yang berdaya tahan. Pusat ini, yang dijangka akan beroperasi pada tahun ini, merupakan sebuah hab ilmu serantau dan penyelidikan perubahan iklim yang menggalakkan tindakan iklim *collective* serantau di kalangan negara-negara anggota ASEAN.

“Ini dapat direalisasikan menerusi pembangunan dasar dan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama perubahan iklim terutamanya berkaitan mitigasi, adaptasi dan kewangan,” ujar Yang Berhormat lagi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PEMBINAAN KILANG PENAPISAN KUKUHKAN KETERJAMINAN BEKALAN TENAGA

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Mengenai dengan Wawasan Brunei 2035, sama ada dapat diaudit dalam masa yang lebih pendek daripada lima tahun sekali, ini *kitani* lihat keperluan untuk diaudit dalam jangka yang pendek.

Bagi *kitani* memang dari dulu

sudah *kitani* mengadakan satu laporan audit yang sebenarnya laporan yang terakhir ini 2016 hingga 2022 telah dikeluarkan.

Jadi, dari sanalah *kitani* melihat apa lagi *improvement* yang perlu *kitani* buat, tapi, memang satu yang sudah *kitani* mungkin sudah *kitani* menghampir tahun 2035, adakah perlu *kitani* memendekkan *duration*nya sampai mungkin setiap tiga tahun dan sebagainya, itu *karang* oleh Wawasan memikirkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN

bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri, pada masa ini juga *kitani* mendapat khidmat penaiktarafan sistem kualiti pengurusan ISO Certification bagi Pejabat Wawasan Brunei melalui *independent* punya *assessment*.

"Jadi, ini kalau sudah ada, ada juga satu input dari segi bagaimana *kitani* dapat lagi meningkatkan lagi cara *kitani* mengurus Pejabat Wawasan ini," jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Dalam pada itu, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof juga turut menjelaskan mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman mengenai 'shell brand' di stesen-stesen minyak.

Menurut Yang Berhormat Menteri, seperti mana juga

yang telah dinyatakan dalam mukadimah dan juga sesi muzakarah sebelum ini, dengan adanya kilang penapisan Hengyi Industries Sdn. Bhd. di Pulau Muara Besar, pembuatan dapat dihasilkan di dalam negeri dan ini akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan keterjaminan bekalan tenaga negara dari segi produk petroleum.

"Sebagai pembekal tempatan rasmi negara yang membekalkan produk-produk petroleum utama seperti *gasoline*, diesel dan Jet-A1, sememangnya keupayaan ini adalah merupakan satu kelebihan tambahan bagi produk-produk ini adalah berkualiti tinggi dan memenuhi piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Namun yang demikian, produk-produk ini dipasarkan atas dasar komersial dan Brunei Shell Marketing (BSM) adalah merupakan pembeli tunggal untuk pasaran domestik.

"Ini adalah modaliti perdagangan yang agak *common* di mana produk berkenaan dibukakan kepada pembeli-pembeli atas

dasar komersial dan seterusnya diguna pakai oleh syarikat berkenaan bagi tujuan besaran lanjut.

"Produk-produk ini sememangnya adalah produk tempatan yang dihasilkan oleh Negara Brunei Darussalam bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri tetapi juga dieksport di pasaran antarabangsa," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Kajian pendapatan isi rumah dijalankan setiap 5 tahun

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan bahawa kajian khusus bagi pendapatan isi rumah mengikut kategori, Jabatan

Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) memang menjalankan kajian setiap lima tahun.

"Pada masa ini, Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2023 / 2024 sedang dijalankan bermula pada 1 Ogos 2023 hingga 31 Julai 2024.

"KPK ini pada asalnya dijalankan pada tahun 2020/2021 dan ditundakan disebabkan penularan pandemik COVID-19.

"Objektif utama kajian ini ialah untuk mengumpul maklumat terkini mengenai corak perbelanjaan dan tahap pendapatan keluarga.

"Maklumat daripada kajian ini nanti akan dapat digunakan sebagai maklumat penting dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan sosioekonomi negara," jelas Yang Berhormat Menteri ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang

Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub mengenai soalan sara hidup, taraf hidup rakyat dan sebagainya yang mana Yang Berhormat ingin mencadangkan agar satu kajian khusus perlu diwujudkan bagi mengetahui kedudukan semasa taraf hidup rakyat Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan peratus berdasarkan pendapatan setiap isi rumah mengikut kategori seperti di negara-negara jiran.

Hasil daripada kajian ini tambah Yang Berhormat Menteri, boleh digunakan sebagai input Kos Minima Keperluan Asas ataupun KMKA untuk mengira kos minima bagi menyara keperluan asas harian bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Sementara itu Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, juga menambah bagi soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat

Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin mengenai pembangunan dan kemajuan sosial memanglah merupakan misi jangka panjang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan JPM mempunyai komitmen yang kukuh terhadap kesan positif yang berkekalan telah memberikan jaminan pembangunan sosial negara ini, JPM akan sentiasa membuat pemantauan dan penilaian berterusan untuk memastikan keberkesanan strategi dan program-program yang dilaksanakan khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat negara ini.

"Kaola mengambil baik saranan Yang Berhormat itu dan sangat menghargai keprihatinan serta penglibatan semua pihak dalam hal ini dan JPM akan memastikan kerjasama berterusan dengan semua pihak termasuk juga komuniti dan masyarakat sivil dan agensi-agensi berkenaan seperti JAPES, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan JAPEM, KKBS untuk



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

mengumpul maklumat seperti Yang Berhormat cadangkan dan menggabungkan pelbagai perspektif dan penggubalan dasar yang efektif," tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II pada hari ke-12 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.



ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

HASIL daripada kajian ini tambah Yang Berhormat Menteri, boleh digunakan sebagai input Kos Minima Keperluan Asas ataupun KMKA untuk mengira kos minima bagi menyara keperluan asas harian bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Beri strategi efektif kepada peladang

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Kajian-kajian yang dilakukan oleh institusi-institusi pengajian tinggi berkenaan dengan pertanian dan agrikulturan sememangnya ada terdapat kolaborasi antara Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dengan pengajian-pengajian tinggi pada masa ini, di

mana penyelidikan-penyelidikan itu, hasil itu digunakan bagi membolehkan pihak jabatan memberikan *formulation* ataupun strategi yang lebih efektif kepada peladang-peladang *kitani* pada masa ini.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

“Sebagai contoh, berkolaborasi dengan pihak UNISSA, masa ini ada tiga penyelidikan untuk *soil improvement* bagi ladang-ladang di negara ini, menggunakan *chicken manure*, *organic farming concept* dan juga *other technique*.”

“SEBAGAI contoh, berkolaborasi dengan pihak UNISSA, masa ini ada tiga penyelidikan untuk *soil improvement* bagi ladang-ladang di negara ini, menggunakan *chicken manure*, *organic farming concept* dan juga *other technique*. Tiga penyelidikan tersebut dibuat oleh UNISSA.

Tiga penyelidikan tersebut dibuat oleh UNISSA.

“Di samping itu juga, dengan pihak UNISSA, satu kajian berkenaan dengan *vertical farming*, *introduction to vertical farming*, *implication* kepada produktiviti. Penyelidikan tersebut dibuat oleh pihak UNISSA bersama dengan Jabatan Pertanian,” jelas Yang Berhormat semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN pada hari ke-11 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya

menjelaskan bahawa bagi pihak *environment* mendapat bantuan dengan pihak UNISSA dalam mengkaji *shelf live* untuk mengekalkan kesegaran hasil tani *kitani*. Ini adalah satu penyelidikan yang dibuat oleh UNISSA untuk membantu mengurangkan *waste* dalam hasil tuaian.

Sementara, tambah Yang Berhormat, dengan pihak UTB pula, pihak kementerian ada membuat *research and packaging* dan juga *research in irrigation on farming* serta IBTE sekarang ini menggunakan *paddy farming trial*.

“Jabatan Perikanan akan melibatkan pihak UNISSA dalam membuat kajian bersama dengan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

pihak Singapore broodstock development (*breeding and hatchery*). InsyaaAllah, akan dapat dilaksanakan dalam sekejap masa lagi untuk membolehkan *kitani* meningkatkan kapasiti untuk menyediakan baka ikan-ikan di negara ini,” jelas Yang Berhormat lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

PROGRAM MAKAN DISAMBUT BAIK



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menyambut baik cadangan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mengenai Program Makan (School Meal Programme) bagi memudahkan lagi pelaksanaan sistem integrasi.

“Ia juga sebenarnya sudah difikirkan oleh pihak kementerian bersama dengan agensi-agensi tertentu yang

lainnya. Tetapi, ada juga pandangan kadang-kadang kanak-kanak ini diberi makanan yang sama, ada yang tidak makan. Jadi daripada pemerhatian di sekolah, ada makanan yang tidak dimakan,” ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Jadi, jelas Yang Berhormat daripada pemerhatian di

sekolah, ada makanan yang tidak di makan dan ini terdapat juga kebaikan dan keburukan melalui program ini kerana ada pembaziran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terang Yang Berhormat Menteri Pendidikan, perkara ini akan dibawa balik lagi untuk difikirkan kesesuaiannya.

“Bagi guru-guru yang memberikan makanan itu, barangkali sampai juga waktunya untuk *kitani* sama-sama bertanggungjawab kepada kanak-kanak ini bukan sekadar terlalu mengharap kepada guru, sebab bukan kerja guru untuk memberi makan. Jadinya untuk sama-sama



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

bertanggungjawab kepada kanak-kanak. Itu amanah *kitani* bersama,” tekan Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN (atas dan kiri).

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PERKONGSIAN MENGENAI PENCAPAIAN PISA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - PISA 2022 catat peningkatan yang sangat ketara dari tahun 2018. Walau bagaimanapun, pencapaian tersebut belum dapat meletakkan Negara Brunei Darussalam di

YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

kedudukan separuh negara teratas.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan perkara tersebut pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Walaupun *kitani* merupakan salah satu daripada hanya empat buah negara yang mengambil bahagian dalam *assessment* ini yang telah mencatat peningkatan dalam ketiga-tiga *domain*, iaitu Sains, Matematik dan Membaca.

"Pengajaran utama yang harus *kitani* hargai di sini adalah

peningkatan ini ertinya ia disebabkan oleh apa yang sudah *kitani* buat," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai keputusan PISA 2018 dan 2022.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan lagi, strategi *kitani* itu berjaya dan *kitani* akan pertingkatkan lagi strategi-strategi tersebut. Kalau dapat *kitani* *strengthen* lagi.

Antara inisiatif yang akan dilaksanakan, kongsi Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah mereview lagi pengisian kurikulum, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, kualiti *professional development* para guru dan juga kualiti penilaian berterusan, penilaian sendiri bagi pelajar-pelajar dan memperluaskan lagi penggunaan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

teknologi digital.

"Jika tadi, Yang Berhormat mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan. Sebaiknya *kitani* sama-sama memberikan ucapan tahniah itu kepada semua guru-guru, tenaga pengajar di Negara Brunei Darussalam kerana tanpa mereka, *kitani* tidak dapat mengecapi peningkatan sedemikian.

"Juga kepada ibu bapa atas sokongan dan dukungan yang berterusan yang diberikan kepada anak-anak mereka," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai kolerasi antara keputusan dengan pendedahan pendidikan awal kanak-kanak (*basic early childhood education*), sebenarnya keberkesanan program masa dahulu mengikuti Program Early Childhood itu, tidak dapat dipastikan sama ada ia berkesan ataupun tidak.

"Keberkesanan *that* program kerana tidak ada *items* di dalam PISA yang menyentuh mengenainya tetapi kalau ia mengikuti sahaja, *we do not know the quality*. Terdapat kolerasi yang

menunjukkan keputusan yang baik dalam PISA dan penglibatan dalam pembelajaran awal kanak-kanak, ada kolerasi tersebut," terang Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dapatan yang diperoleh daripada PISA 2022, jelas Yang Berhormat menunjukkan pelajar daripada Negara Brunei Darussalam telah memperoleh *score* yang lebih tinggi khususnya dalam *domain* Mathematics.

"Alhamdulillah, pindaan telah dibuat dalam Akta Pendidikan Wajib Penggal 2011, di mana umur wajib kanak-kanak *kitani* turunkan daripada 6 tahun kepada 5 tahun," ujar Yang Berhormat lagi.

Bagi pelajar-pelajar yang mengikuti PISA 2022, 75 peratus daripada pelajar-pelajar ini agak besar, yang sudah mengikuti sekurang-kurangnya setahun pendidikan awal kanak-kanak. Jadinya, tambah Yang Berhormat, kalau 100 peratus kanak-kanak *kitani* mengikuti pendidikan awal kanak-kanak dan mengingatkan kita mengenai kolerasi antara keduanya dan berharap akan ada peningkatan dalam PISA.

"PENGAJARAN utama yang harus *kitani* hargai di sini adalah peningkatan ini ertinya ia disebabkan oleh apa yang sudah *kitani* buat".

Mempelbagaikan bahasa dalam kurikulum sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum ada menyediakan Kurikulum Bahasa-bahasa seperti Bahasa Perancis, Bahasa Arab dan juga Mandarin

selain Bahasa Melayu dan Inggeris.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan perkara tersebut pada hari

ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan juga menjelaskan ketiga-tiga bahasa tersebut ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan sahaja, bukan teras di sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab.

"Pada tahun 2023, sebanyak 27 buah sekolah menengah dan maktab telah menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab dengan keramaian 2,699 pelajar yang telah mengikutinya dan 172 yang telah mengikuti pembelajaran Bahasa Mandarin.

"Pada masa ini, *unfortunately* Bahasa Perancis masih belum dapat ditawarkan disebabkan oleh ketiadaan tenaga pengajar," kongsi Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyambut baik



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

saranan Yang Berhormat Ahli MMN mengenai mempelbagaikan lagi bahasa lain dalam kurikulum sekolah dan perkara ini akan dibincangkan lagi pada peringkat kementerian dengan mengambil kira relevansinya dan kepentingannya kepada pelajar-pelajar.

ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan (atas kiri, kiri).



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PERKENALKAN WSE BAGI MENILAI KUALITI PENDIDIKAN

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac.- Bagi menjamin kualiti penyaluran pendidikan di institusi pendidikan, penilaian keseluruhan atau Whole School Evaluation (WSE) diperkenalkan bertujuan untuk menilai kualiti pendidikan di sekolah dan penyediaannya adalah secara menyeluruh.

Dalam usaha untuk memupuk rasa kepunyaan (*sense of ownership*) dan *accountability* untuk perkembangan pencapaian kemajuan pelajar, sekolah-



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

sekolah kerajaan telah membuat Penilaian Kendiri Sekolah atau *internal Whole School Evaluation* (WSE) dan ia bermula pada tahun 2018 dan Penilaian WSE ini dilaksanakan melalui dua cara iaitu *internal* dan *external*.

Ini dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh bagi menjawab soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman mengenai WSE di Persidangan Mesyuarat Pertama Ke-20 MMN, pagi tadi.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri juga menjelaskan mengenai dengan jumlah sekolah yang telah dicerap sejak tahun 2018 menggunakan instrumen WSE.

Menurut Yang Berhormat Menteri, sebanyak 120 sekolah telah dinilai oleh Jabatan Kenaziran Sekolah-sekolah menggunakan instrumen WSE dalam tempoh 7 tahun dari tahun 2017 hingga 2023, iaitu 90 buah sekolah rendah, 26 buah sekolah menengah dan empat buah Pusat Tingkatan Enam.

Daripada jumlah keseluruhan

ini, ujar Yang Berhormat Menteri jumlah sekolah yang telah mencapai Band 3 atau *the minimum standard* ialah 10 buah sekolah rendah, enam buah sekolah menengah dan dua buah Pusat Tingkatan Enam manakala secara keseluruhan, 15% yang dinilai telah mencapai Band 3.

Tambah Yang Berhormat Menteri, beberapa buah sekolah yang telah dilawati, 26 buah sekolah sebenarnya telah dinilai semula iaitu 20 buah sekolah rendah, lima buah sekolah menengah dan sebuah Pusat Tingkatan Enam.

Menurutnya Yang Berhormat Menteri lagi, 88.5% daripada 26 buah sekolah yang telah dinilai semula telah menunjukkan peningkatan iaitu 20 buah sekolah rendah telah menunjukkan

YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

peningkatan, lima buah sekolah menengah telah menunjukkan peningkatan dan Pusat Tingkatan Enam telah menunjukkan peningkatan 100%.

Sementara itu, mengenai dengan apakah bantuan yang diberikan kepada sekolah di mana Yang Berhormat Menteri menjelaskan di mana bantuan kepada sekolah bagi meningkatkan pencapaian standard yang minimum, iaitu pegawai kluster membantu sekolah dalam membentuk dan melaksanakan SIP (School Improvement Plan) yang lazimnya disediakan.

"Sejurus pihak sekolah menerima laporan WSE, sekolah-sekolah yang mencapai tahap



pencapaian membuat sesi perkongsian ataupun *sharing session* kepada sekolah-sekolah lain bagi membantu meningkatkan pencapaian dan juga pegawai kluster turut membantu sekolah-sekolah memahami rubrik WSE dan mengumpul bahan-bahan penetapan (*band*).

Keempat, menjalankan kluster WSE Micro Validation dan Across Cluster Micro Validation. Menjalankan *pure review within and across cluster*," terang Yang Berhormat Menteri.

ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.



Program ShInE bantu pelajar berkeperluan khas timba kemahiran kerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan di mana Kementerian Pendidikan memang ada menyediakan peruntukan kepada sekolah-sekolah melalui Jabatan Sekolah-

Sekolah, Peruntukan Alat Tulis, Teaching and Learning di bawah Tajuk Peruntukan P01201, Perkhidmatan Pendidikan Sekolah Rendah dan Menengah.

Selain itu, peruntukan juga disediakan untuk jabatan-jabatan seperti STEP Centre, Edu-Tech untuk mengendalikan program-

program STEAM.

Perkara ini dijelaskan Yang Berhormat Menteri semasa menjawab kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin mengenai dengan STEAM dan juga peruntukan pelajarannya di Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, pagi tadi.

Perancangan untuk berdikari dalam melahirkan pelajar yang berkeperluan khas yang berkualiti dan berkemahiran pula, Yang Berhormat Menteri berkata di mana Jabatan Pendidikan Khas sedang mempersiapkan satu program baharu yang dinamakan Programme Sheltered Integrated Employment (ShInE).

Ujar Yang Berhormat Menteri, ShInE merupakan

AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

salah satu pelbagai laluan bagi lepasan pelajar program pra-vokasional yang bertujuan untuk menyediakan latihan vokasional yang diiktiraf bagi memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas dan program ini ditawarkan sebagai kesinambungan atau pelengkap untuk persediaan latihan kemahiran vokasional atau kemahiran kerja selama dua tahun.

Para pelajar menurut Yang Berhormat Menteri akan ditawarkan kursus-kursus kemahiran vokasional yang bersesuaian dengan keperluan pihak industri dan pada masa kini dapat menghasilkan tenaga kerja yang mahir, *competent* dan berkualiti tinggi, dan Kursus-kursus tersebut seperti *hospitality*, *culinary*, *fabric*, jahitan pakaian, fesyen dan pertukangan.



"Selain itu juga, program ShInE bertujuan memberi peluang kepada lepasan program ini untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya dengan menjurus ke arah bidang vokasional, melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan mencari pekerjaan dengan kemahiran yang dimiliki," tambah Yang Berhormat Menteri.



SEBAHAGIAN yang hadir pada persidangan berkenaan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



BIMBINGAN KERJAYA UNTUK GRADUAN KURSUS PERTANIAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Mengenai graduan Kursus Pertanian selepas menamatkan kursus mereka, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan di samping menyediakan peluang untuk melatih penuntut yang berminat dalam bidang pertanian melalui program yang berstruktur dan suasana pembelajaran yang kondusif, pihak-pihak institusi juga ada memberikan bimbingan kerjaya bukan sahaja semasa mengikuti

pengajian, tetapi juga selepas mereka menamatkan kursus.

Institusi-institusi berkenaan jelas Yang Berhormat Menteri turut memberikan dukungan lanjut kepada graduan-graduan melalui perundingan dan kerjasama dengan pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Pertanian, pihak perbankan, Darussalam Enterprise (DARE) dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk membantu dalam menyediakan keperluan model kewangan untuk memulakan usaha di sektor ini.

Ini dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin di Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, pagi tadi.

Yang Berhormat juga menambah di mana usaha menggalakkan lebih ramai

graduan-graduan tempatan kita khususnya dalam kalangan mereka yang berkelulusan dalam bidang pertanian dan agrikulturan, sebenarnya memerlukan sokongan padu daripada semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan dan juga pihak industri dan melalui pendekatan senegara ini, kita akan dapat memenuhi hasrat keselamatan makanan dan sara diri dalam Sektor Pertanian dan Agrikulturan.

Employment rate meningkat 82% tahun 2022



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin (kiri), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada persidangan tersebut.

Majlis Konvokesyen telah meningkat dari tahun sebelumnya iaitu 70% pada tahun 2020, 78% pada tahun 2021 dan 82% pada tahun 2022.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan juga turut menaruh harapan agar pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang diikuti untuk menjadikan bidang pertanian tersebut sebagai kerjaya atau *proficiency* mereka.

Ini dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh

semasa menjawab kembali soalan yang telah diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin di Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, pagi tadi.

Ujar Yang Berhormat Menteri lagi, susulan lanjut pihak IBTE terhadap 89 graduan yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2021 dan 2022, khususnya dalam bidang pertanian iaitu pengkhususan dalam *crop technology, veterinary and livestock management and rise industry*, didapati seramai 73 graduan atau 82% telah bekerja.

Daripada 73 orang ini, tambah Yang Berhormat Menteri 65 orang didapati bekerja di sektor swasta yang berkaitan dengan bidang yang telah diambil.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac.- Berdasarkan data daripada kajian *graduate employment study* yang dilaksanakan setiap tahun, kadar kebolehpkerjaan atau *employment rate* graduan-graduan dari Program Pertanian di IBTE, enam bulan selepas



Berusaha memastikan pelajar mampu bersaing peringkat global

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas



AHLI MMN, Yang Berhormat Chong Chin Yee.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk menjadikan pelajar-pelajar di negara ini berkemampuan untuk berdaya saing secara global.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menyatakan perkara itu bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Chong Chin Yee pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bersidang di Dewan Majlis, Bangunan MMN di sini.

Ke arah itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya berkata, beberapa inisiatif telah diungkapkan oleh

Kementerian Pendidikan menerusi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini seperti pengiktirafan oleh badan-badan profesional antarabangsa bagi program-program yang ditawarkan di Institusi TVET.

Juga diungkapkan jelas Yang Berhormat Menteri lagi adalah menerusi pengajian tinggi seperti UBD's General Engineering Programme yang merupakan kursus pertama di Negara Brunei Darussalam untuk menerima pengakreditasi daripada Accreditation Board of Engineering and Technology (ABET).

Civil Engineering Programme yang ditawarkan di Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang telah diakreditasi oleh Joint Board of Moderators (JBM) United Kingdom dan Institute of Brunei Technical Education (IBTE) School of ICT serta program-program yang ditawarkan yang telah pun diakreditasi oleh Computing Technology Industry Association.

"Ertinya, memang banyak inisiatif yang telah dilakukan hasil kerjasama dengan industri-industri. Memang kita tidak dapat tidak bekerjasama dengan mereka kerana dunia ini saling berkaitan. *We acknowledged the interconnected world,*" jelas Yang Berhormat Menteri.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PENAMBAHAN GURU PENDIDIKAN KHAS DIKETENGAHKAN

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Isu kanak-kanak berkeperluan khas turut dibangkitkan pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis

Mesyuarat Negara (MMN) bersidang di Dewan Majlis, Bangunan MMN di sini.

Isu tersebut disuarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Bagi menjawab pertanyaan tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berkata antara usaha pihak Kementerian dalam menangani isu kanak-kanak berkeperluan khas adalah untuk menambah guru pendidikan khas iaitu pengambilan tenaga baharu melalui program perantis di mana

19 orang telah diambil melalui program berkenaan.

Selain itu usaha juga termasuk pengambilan Special Education Needs Support Educators (SENSE) seramai 55 orang yang mana guru SENSE adalah guru biasa yang diberikan Kursus Latihan Asas Pendidikan Khas dan akan mengajar pelajar berkeperluan khas secara separuh masa.

Selain itu ujar Yang Berhormat Menteri lagi seramai 30 orang guru ugama juga sedang menjalani kursus asas bagi menampung keperluan guru ugama pendidikan khas untuk sistem pengintegrasian dan pengambilan guru-guru secara berkontrak di kalangan mereka yang telah bersara dan pengalaman dan ini sebenarnya masih di dalam penelitian dan perancangan.

Kementerian Pendidikan ujar Yang Berhormat Menteri lagi,

YANG Berhormat Menteri Pendidikan (kanan), manakala gambar bawah, antara yang hadir mendengarkan persidangan.



akan terus berusaha untuk menambah lagi bilangan guru-guru yang dapat mengajar atau pun menangani isu keramaian pelajar-pelajar berkeperluan khas.



Seperti peringkat *tertiary*, ujar Yang Berhormat Menteri memang ada menawarkan program-program yang sentiasa dikemas kini supaya ia relevan.

"Terkini, ada 62 bidang ICT telah ditawarkan dari sijil ke pasca ijazah, termasuklah *micro-credentials*. Modul ICT program itu termasuklah seperti bidang Programming, Artificial Intelligence, Database Info System, Modelling dan Digital Communication," jelas Yang Berhormat Menteri.

Manakala dengan pendidikan teras, Yang Berhormat Menteri seterusnya menjelaskan termasuklah mengenai platform MOE TV, *smart classroom*, aktiviti ataupun program-program yang berteraskan *coding development*



AHLI MMN, Yang Berhormat Chong Chin Yee.

dan juga program Stream for Future and Coding It Smart Devices for School.



SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan persidangan.

Siap siagakan pelajar dengan kemajuan teknologi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Beberapa isu telah dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Chong Chin Yee pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bersidang di Dewan Majlis, Bangunan MMN di sini.

Antara isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chong Chin Yee ialah mengenai sasaran standard literasi dan numerasi para pelajar di negara ini.

Yang Berhormat juga mencadangkan agar Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk melaksanakan lebih banyak inisiatif yang bertujuan meningkatkan kemahiran numerasi dalam

kalangan pelajar dan guru.

Kepentingan numerasi yang melangkaui *basic arithmetic*, menurut Yang Berhormat adalah asas untuk membangunkan pemikiran logik, memahami corak, dan membuat keputusan berdasarkan data.

Bagi menjawab persoalan tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan penilaian literasi dan numerasi murid-murid dinilai pada tahap umur mereka.

"Tetapi secara keseluruhannya, memang *kitani* 94% for literacy dan 95% *respectively*," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Chong Chin Yee juga menyentuh mengenai

langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan dan menyokong laluan kerjaya digital ini dalam kalangan belia di mana Yang Berhormat mencadangkan untuk menyepadukan literasi digital dan media, bersama-sama dengan kemahiran teknologi yang berkaitan seperti *coding*, *digital content creation*, *prompt engineering* dan data *analysis* ke dalam kurikulum utama.

Bagi menjawab persoalan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan, pihak kementeriannya memang berusaha untuk siap siagakan pelajar-pelajar dengan kemajuan teknologi di mana pelajar akan terus diberi pendedahan mengikut kesesuaian dan peringkat persekolahan mereka.

"TERKINI, ada 62 bidang ICT telah ditawarkan dari sijil ke pasca ijazah, termasuklah *micro-credentials*. Modul ICT program itu termasuklah seperti bidang Programming, Artificial Intelligence, Database Info System, Modelling dan Digital Communication".

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Terus mendukung penggunaan teknologi dalam pendidikan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Inisiatif-inisiatif Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS), DRMS, MoE TV, Smart Classroom dan Blended Learning merupakan usaha dan strategi utama Kementerian Pendidikan dalam mendukung Pelan Transformasi Digital, Kementerian Pendidikan bagi mengukuhkan lagi penggunaan teknologi dalam pendidikan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan perkara itu bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang diajukan semasa sidang yang diadakan pada Isnin lalu.

"Untuk makluman Yang Berhormat, inisiatif-inisiatif ini adalah baharu dan dalam fasa awal pelaksanaannya, sebahagiannya masih dalam fasa rintis," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Kementerian Pendidikan melalui Pusat Teknologi Pendidikan jelas Yang Berhormat Menteri lagi, akan terus memantau dan menilai akan keberkesanan inisiatif-inisiatif tersebut secara berterusan.

Di samping itu, kementerian melalui Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan akan mengadakan kajian bagi mengetahui impak, keberhasilan inisiatif-inisiatif tersebut.

Ketika menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pula mengenai jumlah peratus yang mempunyai kredit dalam pelajaran Inggeris,

Sains dan Matematik daripada jumlah 43% yang lulus dengan mempunyai kredit 5 'O' Level dan ke atas, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkata pelajar-pelajar mendapat kredit dalam Bahasa Inggeris adalah 37.61%, Sains 40.43% dan Matematik 39.33%.

Mengenai peranan Kementerian Pendidikan untuk membantu meningkatkan lagi lepasan ijazah ini untuk mendapatkan pekerjaan pula Yang Berhormat Menteri menjelaskan berbagai usaha telah diunkayahkan oleh Kementerian Pendidikan melalui institusi pengajian tinggi dalam membantu meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran atau *employability* graduan, seperti kegiatan-kegiatan tahunan yang diunkayahkan oleh setiap institusi pengajian tinggi.

Misalnya Pameran Kerjaya UBD anjuran UBD Centre of Networking Employment and Career Training ataupun UBD CoNECT, karnival kerjaya yang bertujuan untuk memberikan dorongan dan semangat kepada alumni dan bakal graduan UNISSA, Hari Pasaran (Market Day) yang diunkayahkan oleh politeknik dan juga *networking event* di institusi pengajian swasta.

Institusi pengajian tinggi juga jelas Yang Berhormat

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Menteri lagi menyediakan platform keusahawanan yang menggalakkan graduan untuk bekerja sendiri (*self-employment*) dan perniagaan permulaan (*startup*), klinik keusahawanan UBD, bazar keusahawanan alumni, LCB Incubation Centre dan sebagainya.

Ketika menjawab mengenai pembinaan sekolah-sekolah baharu dan tambahan bangunan dan jumlah bilangan tenaga pengajar masih dalam bilangan yang sama, Yang Berhormat Menteri menjelaskan daripada 10 buah projek pembinaan sekolah dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, lapas buah projek hanyalah melibatkan penaiktarafan dan penambahan bangunan kepada sekolah yang sedia ada.

Penaiktarafan ini ujar Yang Berhormat Menteri, adalah bertujuan untuk menampung keperluan sekolah yang 'melimpahi' had kapasiti sebenar.

"Dalam perkara ini, penambahan tenaga pengajar adalah tidak diperlukan, memandangkan sekolah-sekolah tersebut masih mempunyai jumlah pelajar yang sama. Kementerian Pendidikan akan meneliti perkara ini secara lebih lanjut dengan mengambil kira

pertama, jumlah tenaga pengajar dan juga pelajar yang sedia ada dan kedua nisbah pelajar dan guru ataupun *teacher student ratio*," jelas Yang Berhormat Menteri.

Sementara itu ketika menjawab mengenai Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan pula, Yang Berhormat Menteri menjelaskan seramai 864 pelajar telah dianugerahkan skim tersebut dan jumlah graduan yang telah tamat dan lulus dalam pengajian adalah seramai 692 orang sejak skim berkenaan mula diperkenalkan pada tahun 2014.

Daripada jumlah tersebut ujar Yang Berhormat Menteri lagi seramai 122 orang penerima SBPP telah memperoleh keputusan yang cemerlang, iaitu kepujian kelas pertama.

Senarai kursus-kursus yang ditawarkan di bawah SBPP pula jelas Yang Berhormat Menteri, adalah berpandukan maklumat yang diperoleh daripada pihak MPEC berdasarkan keperluan negara khususnya keperluan dari pihak industri dan agensi-agensi swasta.

"Kerjasama berterusan dengan pihak MPEC ini adalah penting ke arah memastikan perancangan tenaga kerja yang berkesan dan cekap melalui penjejakan antara kebolehpasaran dan pekerjaan," jelas Yang Berhormat Menteri.

PELBAGAI INISIATIF DILAKSANAKAN BAGI MENANGANI ISU KECICIRAN PELAJAR



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Kementerian Pendidikan memandang serius mengenai isu keciciran dan ketidakhadiran pelajar ke sekolah.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh ketika menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof pada hari ke-11 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bersidang di Dewan Majlis, Bangunan MMN di sini.

Apabila pelajar meninggalkan sekolah sebelum menamatkan

pendidikan, Yang Berhormat Menteri menjelaskan mereka akan kehilangan peluang untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya dalam kehidupan dan ini boleh membawa kepada isu sosial seperti pengangguran, kemiskinan dan juga kesihatan mental.

"Dalam hal ini Kementerian Pendidikan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menangani isu ini termasuklah sesi-sesi pabarigan Pindaan Akta Pendidikan Wajib dan kepentingan kehadiran ke sekolah yang melibatkan warga sekolah, para ibu bapa, para pelajar dan juga pihak yang berkepentingan," jelas Yang Berhormat Menteri.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri seterusnya menjelaskan Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah juga giat melaksanakan usaha-usaha untuk membantu dan mencegah para pelajar yang sering tidak hadir ke sekolah dan tercicir, seperti lawatan ke rumah-rumah, bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin akar umbi seperti penghulu, ketua kampung dan agensi-agensi yang berkenaan serta penglibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Penempatan pelajar-pelajar

yang mempunyai isu kehadiran dan kurang berkemampuan di Asrama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah untuk mengikuti Program Belia Ri'ayah Wa Mahabbah.

"Kita memang mengubah strategi dalam membarigakan Akta Pendidikan Wajib. Kalau dulu memang kita selalu menghebahkan mengenai *penalty for those* yang tidak menghantar anaknya ke sekolah termasuk tindakan-tindakan yang akan diambil tetapi mulai 1 November 2023, pendekatan tersebut kita ubah kepada membarigakan kepentingan Akta Pendidikan Wajib, kepentingan kehadiran ke sekolah dan mana-mana pelajar yang tidak hadir dan disebabkan oleh mana-mana sebab yang tertentu," jelas Yang Berhormat Menteri lagi.

Sementara itu bagi menjawab isu berkaitan Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF), Yang Berhormat Menteri berkata BDQF kini masih dalam *reviewing* memandangkan terdapatnya beberapa program baharu seperti *micro-credentials* dan sebagainya yang ditawarkan oleh universiti-universiti.

Disebabkan oleh itu, ujar Yang Berhormat Menteri lagi, pihak BDQF dan ahli-ahlinya sedang meneliti lagi semula di mana

masuknya *the recognition of prior learning* di dalam level-level tersebut.

Menyentuh mengenai kerjasama antara Kementerian Pendidikan dengan industri pula Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa pihak kementerian telah bekerjasama rapat dengan Sekretariat Tetap MPEC dan Manpower Industry Steering Committee (MISC) dalam menyelaraskan *supply and demand*.

"Mengenal pasti *critical occupations*, iaitu sebanyak 60 telah dikenal pasti setakat ini dan membangunkan rangka kerja kecakapan atau *competency framework*. Terdapat sebanyak 50 buah telah disediakan.

"Pihak IBTE, Politeknik Brunei dan juga L3 Centre telah terlibat dalam pembentukan lapas daripada sembilan program yang dilancarkan oleh MISC seperti Program Bridging Armeccs (Module HCG 03 HSSE) yang ditawarkan sebagai sebahagian daripada Program Sektor Minyak dan Gas di IBTE dan Program I-Skills, Dual TVET, Perantisan Kemahiran HSE, I-Lift dan Program Bahasa Bagi Pemandu Pelancong dan juga Program Asas Pemandu Pelancong," ujar Yang Berhormat Menteri.

Majoriti program ditawarkan di

Politeknik Brunei dan juga IBTE ini menurut Yang Berhormat Menteri adalah selaras dengan rangka kerja kemahiran yang disediakan oleh MISC dan setakat ini sebanyak 17 program IBTE telah diselaraskan dengan Brunei National Occupation Skills Standard (BNOSS).

Bagi memenuhi permintaan Pelaburan Langsung Asing (FDI) pula Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri dan Hengyi Industries Sdn. Bhd. untuk menyejajarkan *supply and demand*.

"Sebanyak 17 buah program di pelbagai peringkat di bawah BDQF telah ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi awam seperti Ijazah Kejuruteraan Kimia dan Proses di Universiti Brunei Darussalam, tujuh Program Petrokimia Peringkat Diploma di Politeknik Brunei, manakala IBTE pula telah menawarkan dua Program Diploma, tiga Program HNTec dan empat Program ISQ khusus bagi memenuhi keperluan tenaga Hengyi Industries Sdn. Bhd. Pada tahun 2022 seramai 629 orang pelajar telah mengikuti tujuh program berkenaan," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN ADAKAN TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Pg. Syi'aruddin
Pg. Daudin
Foto : Mohamad Azmi
Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Mac. - Seramai 750 pegawai, kakitangan dan anggota dari Kementerian Pertahanan menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil yang berlangsung pagi tadi di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan berkenaan, Menteri di Jabatan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil yang berlangsung pagi tadi di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai dipimpin

oleh Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT) dan diikuti dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Acara tahunan berkenaan merupakan sebahagian daripada

Program Ihya dan Jangkauan Ramadan yang dikendalikan oleh JAMA'AT, Kementerian Pertahanan bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadan Al-Mubarak selain mengharapkan ganjaran pahala berlipat ganda dengan amalan berkebajikan.

Juga hadir ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin serta peringkat kepimpinan.

Platform memperkasa usahawan tempatan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melancarkan Ramadhan Eco-Bazaar BIBD (kanan), manakala gambar atas, Yang Berhormat meninjau perniagaan anak tempatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Mac. - Ramadhan Eco-Bazaar Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang diadakan bermula hari ini sehingga 7 April 2024, adalah sebagai langkah penting ke arah memupuk pembangunan mampan dan digital ekonomi.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Ramadhan Eco-Bazaar BIBD disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BIBD; dan Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman bertempat di BIBD Connects Taman Mahkota Jubli Emas, di sini.

Ramadhan Eco-Bazaar BIBD yang terletak di lokasi strategik, merupakan kali pertama dianjurkan secara tempatan dan disokong oleh rakan-rakan strategik, iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam; Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) di bawah Kementerian Pembangunan serta NGO tempatan - Zero Waste dan perusahaan kecil hijau -



BioField.

Ia bertujuan untuk mewujudkan platform yang memperkasa perniagaan tempatan dalam mempamerkan dan mengembangkan jenama mereka.

Dengan menyediakan ruangan berkenaan, BIBD memupuk persekitaran dengan masyarakat boleh mengambil bahagian secara aktif dan menyokong usahawan tempatan, sekali gus mengukuhkan ekonomi negara dan mempromosikan amalan perniagaan yang mampan.

Selaras dengan wawasan Negara Brunei Darussalam ke arah masa depan yang mampan, bazar berkenaan menekankan kepentingan mengurangkan kesan alam sekitar.

Penjual dan para pengunjung adalah digalakkan untuk menerima gaya hidup mampan dengan menggunakan BIBD QuickPay untuk transaksi, sekali gus menggalakkan pasaran tanpa tunai.

Selain itu, inisiatif berkenaan juga menyokong inisiatif Tanpa Beg Plastik JASTRe dan Sisa

Sifar (SDG 12) di bawah mandat Sekretariat Perubahan Iklim Brunei dengan menggalakkan pengunjung membawa barangan boleh guna semula mereka sendiri seperti botol, Tupperware dan beg membeli-belah.

Bazar bukan sekadar pasaran tetapi meraikan komitmen BIBD terhadap kemampanan dan inovasi digital, di samping berfungsi sebagai bukti dedikasi BIBD untuk memimpin dalam penjagaan alam sekitar dan kemajuan ekonomi digital.

JPM ANJUR MAJLIS BERTAHLIL, MEMBACA SURAH YAA SIIN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Kira-kira 400 pegawai dan kakitangan lelaki rombongan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hadir pada Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis tersebut adalah bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan berkenaan, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd.

Yusuf dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah serta pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bacaan Surah Yaa Siin dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin diikuti dengan Tahlil beramai-ramai dikepalai oleh Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof.

Sementara Doa Tahlil dan Doa Peliharakan Sultan dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir mengetuai rombongan pada Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Besar.

Acara tahunan yang dikendalikan oleh Bahagian Projek Strategik Jabatan Tenaga, Autoriti Elektrik

Negara Brunei Darussalam, Jabatan Adat Istiadat Negara dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik setentunya mengimarahkan lagi

bulan Ramadan Al-Mubarak selain mengharapkan ganjaran pahala berlipat ganda dengan amalan berkebajikan.

Kementerian Pembangunan adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Momin



YANG Berhormat Menteri Pembangunan mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, hari ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong di sini.

Majlis berkenaan khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan juga paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai dipimpin oleh

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Saufi bin Haji Suhaini yang juga mengepalai Doa Tahlil diikuti dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin

Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit di Kementerian Pembangunan, serta para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti keagamaan tahunan yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan bersempena bulan Ramadan.

PENYAKIT DIABETES KEKAL PUNCA UTAMA PENYAKIT BUAH PINGGANG

>> Muka 1

Dalam tempoh tiga dekad yang lalu, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan usaha rawatan penyakit buah pinggang kronik (CKD) telah difokuskan kepada penyediaan dan penghantaran terapi penggantian buah pinggang, iaitu rawatan melalui hemodialisis, dialisis peritoneal, atau pemindahan buah pinggang.

Pada masa ini, kemajuan terapeutik telah membuka peluang untuk mencegah atau menanggukkan penyakit dan mengurangkan komplikasi penyakit buah pinggang. Rawatan ini bertujuan untuk memanjangkan kualiti dan kuantiti kehidupan bagi pesakit yang mengalami CKD.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan di seluruh dunia, lebih daripada 850 juta orang dianggarkan menghidap CKD. Penyakit buah pinggang adalah punca kematian kelapan tertinggi di seluruh dunia, menyebabkan lebih daripada 3.1 juta kematian pada tahun 2019. Jika tidak ditangani, CKD dijangka menjadi penyebab utama kematian kelima pada tahun 2040.

"NBD juga tidak terkecuali, secara purata dalam tiga tahun kebelakangan ini, dari tahun 2021 sehingga 2023, seramai 199 pesakit buah pinggang peringkat akhir telah meninggal dunia setiap tahun. Pada tahun 2023, Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Buah Pinggang Brunei Darussalam telah mencatat 1,018 orang mengalami penyakit buah pinggang peringkat akhir; dan 278 pesakit baru disenaraikan dalam program dialisis dan pemindahan buah pinggang," jelas Yang Berhormat.

Setiap tahun, Hari Buah Pinggang Sedunia diraikan pada Khamis yang kedua dalam bulan Mac. Sambutan ini adalah kerjasama antara Persatuan Nefrologi Antarabangsa (ISN) dan Persekutuan Yayasan Buah Pinggang Antarabangsa (IFKF) sebagai satu usaha global yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai kesihatan buah pinggang serta menggalakkan langkah-langkah pencegahan dan penjagaan buah pinggang.

"Syukur Alhamdulillah, rakyat dan penduduk di NBD sangat bertuah kerana perkhidmatan kesihatan di negara ini mudah diakses oleh semua. Walaupun dengan pemberian pelbagai rawatan dan ubat-ubatan secara percuma, masih terdapat segelintir pesakit kurang menghargai ubat-ubatan yang diberikan oleh doktor.

"Bahkan, ada yang lebih cenderung untuk mengambil ubat tradisional atau suplemen yang belum terbukti keberkesannya dan risikonya, sehingga terlambat dan merosakkan buah pinggang mereka," ujar Yang Berhormat.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Kementerian Kesihatan

Yang Berhormat turut menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memastikan ubat-ubatan untuk diberikan kepada pesakit adalah tepat dan memberikan kesan positif terhadap kesihatan mereka. Sebagai contoh, pembekalan ubat-ubatan baharu yang terbukti mampu melambatkan perkembangan CKD.

Walaupun kos pembelian ubat-ubatan ini dianggap mahal, impaknya telah diimbangi dengan manfaat yang ditawarkan, seperti dapat menghentikan atau melambatkan ke arah kemerosotan penyakit buah pinggang peringkat akhir. Rawatan CKD seharusnya bermula dari awal, dengan harapan ia dapat mengurangkan komplikasi penyakit dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan rawatan.

"Faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada tingkah laku dan pengambilan rendah ubat-ubatan ini termasuk kurangnya kesedaran pesakit tentang penyakit mereka dan impaknya ke arah kesihatan jika tidak dirawat mengikut apa yang dinasihatkan oleh doktor atau profesional kesihatan.

"Kementerian Kesihatan telah mengambil pelbagai inisiatif, antaranya adalah dengan mengadakan jerayawara dan publisiti media untuk menekankan kepentingan penjagaan kesihatan, terutama dalam kalangan mereka yang berpenyakit, termasuk dalam meningkatkan penggunaan ubat-ubatan yang telah terbukti memberikan kesan positif," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Manakala jelas Yang Berhormat lagi dalam konteks kesihatan buah pinggang, Jabatan Perkhidmatan Renal pada tahun lepas telah memperkenalkan Jerayawara Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua bersempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia di keempat-empat daerah, termasuk beberapa buah kementerian.

Yang Berhormat juga mengongsikan antara aktiviti jerayawara berkenaan termasuk saringan kesihatan bagi orang

ramai, konsultasi dan sesi forum dengan pegawai perubatan serta pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis, dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan pengetahuan tentang penyakit buah pinggang kronik berserta komplikasinya.

Dalam pada itu, tegas Yang Berhormat, akses yang saksama kepada pemeriksaan penyakit buah pinggang, saringan awal dan rawatan berkualiti adalah penting untuk pencegahan dan perkembangan CKD.

"Di samping penyediaan rawatan yang saksama kepada rakyat dan penduduk NBD, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha mencapai kecemerlangan dengan menyediakan penjagaan kesihatan yang mudah diakses kepada semua, tidak hanya dalam bidang penyakit buah pinggang tetapi juga bagi semua penyakit tidak berjangkit, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

"Salah satu inisiatif terkini adalah pengenalan *digital appointments* dan *video consultations* melalui aplikasi BruHealth untuk memudahkan pesakit berjumpa dengan doktor secara dalam talian di mana pun mereka berada dan selanjutnya memeriksa kesihatan mereka," ujar Yang Berhormat.

Dengan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia ini, ujar Yang Berhormat lagi insyaaAllah akan menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai penyakit buah pinggang, terutamanya dalam kalangan pesakit, penjaga pesakit, dan ahli keluarga pesakit agar semua dapat menikmati gaya hidup yang sihat dan sejahtera.

Bagi mengakhiri perutusan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyeru orang ramai untuk menjaga kesihatan badan kerana ia adalah anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan kita perlu bertanggungjawab ke atasnya. Dengan kesihatan yang baik, insyaaAllah kita akan dapat menjalani kehidupan yang indah dan bahagia bersama orang yang disayangi.



PENYAKIT buah pinggang adalah punca kematian kelapan tertinggi di seluruh dunia.

Penerimaan pembayaran secara tunai, cek dihentikan, 1 Mei 2024

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Sebagai mendukung sebahagian daripada inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke arah pendigitalan, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan memberhentikan penerimaan pembayaran secara tunai atau cek bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Bahagian Hasil bermula pada Rabu, 1 Mei 2024.

Inisiatif ini adalah seiring dengan pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan secara dalam talian yang disediakan oleh Bahagian Hasil melalui System for Tax Administration and Revenue Services (STARS) di dalam One Common Portal (OCP) seperti pemfailan Penyata Cukai Pendapatan dan e-Stamping.

Pembayaran bagi cukai dan lain-lain perkhidmatan boleh dibuat melalui kaedah seperti dalam rajah.

Untuk memastikan pembayaran berjaya diselaraskan dalam sistem dan mengelakkan daripada penalti dikenakan, perkara-perkara berikut hendaklah dipastikan, antaranya Return ID (9 digit) yang dijana oleh STARS selepas pemfailan dibuat hendaklah disediakan semasa membuat pembayaran bil; untuk pembayaran melalui Kaunter Bank, gunakan satu Bill Payment Slip untuk satu Return ID; dan untuk pembayaran melalui Perbankan Internet, gunakan satu Bill Payment untuk satu Return ID.

Tatacara bagi kaedah pembayaran boleh didapati di laman sesawang OCP di www.ocp.mofe.gov.bn.

Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi pihak Bahagian Hasil melalui e-mel di alamat revenue@mofe.gov.bn; atau melalui telefon +673 2383933 atau +673 2380651.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun
PenggunaBijak

Jenis Perkhidmatan	Kaedah Pembayaran
Semua Cukai (Tidak termasuk Cukai Petroleum) dan Perkhidmatan Lain	Kaunter Bank – 'Bill Payment Slip' - Bank Islam Brunei Darussalam - Standard Chartered Bank
	Perbankan Internet – 'Bill Payment' - Bank Islam Brunei Darussalam - Standard Chartered Bank - Baiduri Bank
	Telegraphic Transfer - Bank Islam Brunei Darussalam - Standard Chartered Bank (Kaedah Pembayaran ini hanya untuk pembayaran yang dibuat dari luar negara sahaja)
Duti Setem	Kredit Kad atau Debit Kad

PUSAT EHSAN TERIMA SUMBANGAN 40 HAMPER



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BENGKURONG, Khamis, 14 Mac. - Dalam memperingati 40 tahun hubungan diplomatik antara Singapura dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di NBD pagi tadi menyampaikan sebanyak 40 hamper kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) yang berlangsung di pusat berkenaan. Penyerahan sumbangan

hamper berkenaan disempurnakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Audrey Choo Wah. Sumbangan hamper bukan sahaja menekankan sokongan lama Suruhanjaya Tinggi terhadap Pusat Ehsan dan misinya, tetapi juga melambangkan persahabatan

yang berkekalan dan hubungan rakyat dengan rakyat antara kedua-dua negara. "Ramadan adalah masa yang tepat untuk kami menyokong organisasi seperti Pusat Ehsan yang telah memainkan peranan masyarakat yang cemerlang," kata TYT Laurence Bay Siow Hon yang turut memuji Pusat Ehsan atas sumbangan besarnya dalam meningkatkan kehidupan rakyat NBD yang berkeperluan khas dan keluarga mereka lebih dua dekad.



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam menyampaikan sumbangan hamper kepada para penerima (atas dan kiri).

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كمنترين كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

پنڟسانان اوال ڊاټ منڃلاټ نڃاوا
Selamatkan Usus Awda

BruROSA anjur Kem Ibadah Ke-15



UNITED KINGDOM, Rabu, 13 Mac. - Persatuan Pelajar Pegawai-pegawai Ugama Brunei (BruROSA) telah menganjurkan Kem Ibadah Ke-15 di bawah tema 'Power of Purpose' di YHA Okehampton, Devon. Seramai 32 pelajar termasuk 19 peserta dan 13 ahli jawatankuasa dari seluruh United Kingdom dan Eire mengambil bahagian dalam acara yang berlangsung selama dua hari dua malam tersebut. Kem Ibadah tersebut telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan Eire, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri

Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad yang juga hadir selaku tetamu kehormat. Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Baqarah dari ayat 28 hingga 30 oleh Awang Ahmad Zakwan bin Haji Mohd. Salleh dan terjemahannya dibacakan oleh Awang Ahmad Bukhari bin Abd. Rahman. Seterusnya ucapan perasmian daripada Pengarah Pengajian Unit Pelajar Brunei (UPP), Awang Mohammad Danny bin Aimi diikuti dengan ucapan ringkas daripada tetamu kehormat. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Kem Komandan, Awang Muhd. Al-Danish bin Muhd. Al-Qusyairi bagi

memastikan kelancaran dan keselamatan sepanjang majlis berlangsung. Pelbagai aktiviti dan ceramah berkisarkan tema 'Power of Purpose' telah diadakan pada majlis tersebut. Selain itu juga diadakan Forum Interaktif bersama Awang Fahmi dan Dayang Dr. Widad. Forum ini menekankan mesej komitmen tulen untuk membantu pelajar mendalami pengetahuan dan pemahaman tentang Islam, sekali gus meningkatkan pengalaman perkhemahan. Kem Ibadah Ke-15 telah mengadakan pelbagai aktiviti seperti menunaikan Fardu

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Pelajar Pegawai-pegawai Ugama Brunei



PERSATUAN Pelajar Pegawai-pegawai Ugama Brunei (BruROSA) semasa menganjurkan Kem Ibadah Ke-15 di bawah tema 'Power of Purpose' di YHA Okehampton, Devon (atas dan atas kiri).

Berjemaah, diikuti dengan qiamullail serta aktiviti membina pasukan. Salah satu aspek yang menarik dalam perkhemahan ini ialah pendekatan yang bernas untuk mendalami keutamaan amalan seperti Sembahyang Tahajud dan Al-Ma'thurat, berusaha untuk menyemai pemahaman yang mendalam dan mengagumi keindahan dalam

Islam. Ia juga diikuti dengan Tilawah Al-Quran, Tadabbur Al-Quran dan Kuliah Subuh oleh Awang Muhd. Yussof bin Haji Abdul Majid mengenai 'Hidup Bermakna'. Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada pasukan-pasukan dan peserta-peserta yang memenangi pertandingan dan ikut serta semasa kem tersebut berlangsung.

PERINGATAN:

1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAKTAR MASUK KE PROFIL PSCSR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCSR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN





Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar Dalam

Kelas :
Terbuka

Kategori :
Terbuka

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Sabtu,
30 Mac 2024

Tarikh Tutup :
Selasa,
2 April 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
KHEDN / LTK / 2024-02

Nama Projek:
Mereka Bentuk Dan Pemasangan
Struktur Baru *Giant Billboard* Di
Taman SOAS Sempena Hari
Keputeraan Yang Ke 78 Tahun
Bagi Tahun 2024

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / B01303-04

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri**

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 40 / 2023

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Memungkah,
Membersihkan, Perkhidmatan
Pengangkutan Dan Pembuangan
Sampah Bagi Bangunan-Bangunan
Dan Perumahan-Perumahan
Kerajaan Di Bawah Kawalan
Jabatan Daerah Tutong Bagi
Tempoh Kontrak Dua Tahun

Yuran Tawaran :



Pemberitahuan Tawaran

1. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPR / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 12 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Rashidah.

2. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUJ /
2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 12 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Jerudong.

3. Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPBSOAS / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 12 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Paduka
Seri Begawan Sultan Omar 'Ali
Saifuddien.

**Di Bawah Kawalan Jabatan
Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1444H-1445H / 2023M –
2024M**

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
16 Ramadhan 1445H /
27 Mac 2024M,
tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari.



BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Sabtu,
30 Mac 2024
jam 12.00 Tengah Hari.



Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
08 / MAC / 2024 / KKBS / HSSE /
SECURITY / GV

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Tempoh
Dua Puluh Empat (24) Bulan Bagi
Bangunan Perkampungan Sukan,
Kompleks Sukan Negara Hassanal
Bolkiah, Jabatan Belia dan Sukan,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa, 26 Mac 2024
Jam 2.00 Petang



PEMOHON-pemohon terdiri
dari rakyat Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam adalah
dipelawa untuk memohon jawatan
berikut :

JAWATAN :
Penolong Pegawai Perpustakaan
Tingkat I

TANGGA GAJI :
C.3-4 EB.5
(BND1,990 - BND2,970 Sebulan)

KEKOSONGAN :
2 Orang

**Menghadapkan Borang
Permohonan**

**Bagi Pemohon Yang Tidak
Berkhidmat Dengan Kerajaan**
Pemohon-pemohon hendaklah
melengkapkan permohonan
melalui pautan ini:
<https://bit.ly/PenPeg>
PerpustakaanTkt1UBD2024

Hendaklah memuat naik salinan
sijil-sijil, *Curriculum Vitae* (CV)
yang terkini dan dokumen-



Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II (II & III) sahaja

Kategori :
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
26 Mac 2024.
Selasa.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 003 / 2024 – CDE.T.II

Nama Projek:
Kerja-kerja Pengorekan Kolam
Takungan Luagan Itek dan Kolam
Takungan Berangan,
Daerah Brunei dan Muara.

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



dokumen yang berkaitan.
Permohonan hendaklah diisikan
dengan lengkap **tidak lewat**
27 Mac 2024.

**Bagi Pemohon Yang Berkhidmat
Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah
melengkapkan permohonan
melalui pautan:
<https://bit.ly/PenPeg>
PerpustakaanTkt1UBD2024

Hendaklah memuat naik salinan
sijil-sijil, *Curriculum Vitae* (CV)
yang terkini dan dokumen-
dokumen yang berkaitan.
Permohonan hendaklah diisikan
dengan lengkap **tidak lewat**
27 Mac 2024.

Pemohon-pemohon juga
dikehendaki untuk menghadapkan
salinan asal dokumen-dokumen
yang lengkap (melalui Ketua
Jabatan) seperti berikut :
1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3
tahun kebelakangan (sekurang-
kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod
perkhidmatan yang telah
dikemaskinikan



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
26 Mac 2024.
Selasa.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
2 April 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 010 / 2024

Nama Projek:
Penambahbaikan Sistem
Bekalan Air (Pembinaan
Tangki-Tangki Air dan Peningkatan
Sistem Pam Air) - Pembinaan
Tangki Air Tambahan
Terunjing - Telemtry Hut.

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



**PEJABAT SUMBER
TENAGA MANUSIA
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK,
GADONG BE1410
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
[U.P: BAHAGIAN
PENGAMBILAN]**

Permohonan yang tidak lengkap,
tidak mengikut tatacara yang
ditetapkan dan lewat diterima
tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang
disenarai pendek (*shortlisted*)
sahaja akan dihubungi bagi
urusan temu duga.

IBTE, PUJA SEPAKAT MEMACU KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN SENI BINA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

JALAN MUARA, Khamis, 14 Mac. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) hari ini bertempat di Longhouse Training Restaurant, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyaksikan penandatanganan MoU berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Penandatanganan MoU bagi IBTE diwakili oleh Pengarah Pendidikan Teknik, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli, selaku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE; dan Pemangku Penolong Pengarah (Akademik), IBTE, Dayang Hajah Norazlina binti Othman.

Manakala mewakili bagi pihak PUJA ialah Presiden PUJA Brunei, Haji Mohd Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman, dan Setiausaha Agung PUJA, Julian Fung.

Majlis juga diteruskan dengan penyerahan Pelan Strategik PUJA kepada IBTE.

Terdahulu itu, Dr. Haji Mohd Zamri dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, objektif MoU tersebut adalah untuk mewujudkan, mempromosi, dan membangunkan kerjasama antara IBTE dan PUJA dalam bidang penyelidikan, pendidikan, dan program latihan



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyaksikan penandatanganan MoU berkenaan.

yang mempunyai kepentingan bersama yang berkaitan dengan program Ukur Bahan, Kejuruteraan dan Seni Bina.

Tambahnya lagi, salah satu bidang kerjasama utama yang digariskan dalam MoU berkenaan ialah Penubuhan Bab Pelajar PUJA dalam IBTE (Establishment of a PUJA Student Chapter within IBTE) yang mana akan berfungsi sebagai persatuan pelajar, memberikan mereka peluang unik untuk didedahkan kepada tetapan profesional.

Dengan menjadi sebahagian daripada Bab Pelajar PUJA, pelajar IBTE akan berpeluang untuk belajar dan membangunkan kemahiran kepimpinan, melibatkan

diri dalam aktiviti rangkaian, dan mendapat manfaat daripada peluang bimbingan yang berharga.

Melalui inisiatif ini katanya lagi, IBTE berhasrat untuk memupuk generasi profesional akan datang yang akan memacu inovasi dan kecemerlangan dalam bidang Ukur Bahan, Kejuruteraan dan Seni Bina.

Sementara itu, Presiden PUJA Brunei dalam ucapannya antara lain menjelaskan, melalui MoU ini PUJA Brunei berharap dapat meningkatkan penglibatan mereka dengan pelajar dan fakulti IBTE, melalui 9 sekolah pengkhususannya, yang terdiri daripada Sekolah Penerbangan (School of Aviation), Sekolah Perkhidmatan Teknologi Bangunan

(School of Building Technology Services), Sekolah Tenaga dan Kejuruteraan (School of Energy and Engineering), hingga Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (School of ICT).

Tambahnya, pihak PUJA juga berharap dapat membantu dengan penubuhan Bab Pelajar IBTE PUJA dan menggalakkan lebih ramai pelajar IBTE menyertai PUJA, dan seterusnya meneroka peluang-peluang untuk fakulti IBTE menyertai PUJA dan mungkin membimbing mereka untuk menjadi profesional berdaftar dalam bidang kepakaran mereka sendiri.

"Jadi, adalah satu keistimewaan yang besar bagi PUJA Brunei untuk menandatangani MoU ini dengan

IBTE dan kami berharap untuk terus terlibat dan bekerjasama dengan IBTE dalam matlamatnya untuk melengkapkan belia negara dengan kemahiran dan pengetahuan yang betul supaya mereka boleh menyumbang kepada industri yang mereka telah memilih untuk menjadi sebahagian daripada dan untuk pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam," ujarnya lagi.

PUJA berhasrat untuk menjalin kerjasama bersama dengan IBTE khususnya di dalam pendidikan, penyelidikan dan penyediaan program latihan yang menumpukan kepada bidang Jurutera, Kejuruteraan dan Arkitek.

>> Muka 23

UNN
Empowering Digital Society

Lindungi perniagaan awda daripada eksploitasi siber.

- Uji aset awda oleh jurutera bertauliah CREST
- Kontrak awda mematuhi undang-undang Brunei
- Kami menyediakan Pengurus Penyampaian Khidmat khusus untuk menguruskan projek awda



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut.



Pentest as a Service

Kami mengenal pasti kelemahan yang boleh dieksploitasi dalam aplikasi dan rangkaian serta memberikan cadangan untuk meningkatkan postur keselamatan awda.



unn.com.bn



unn.bn



Unified National Networks (UNN)



MTIC adakan Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (kanan), manakala gambar atas, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di Bawahnya mengadakan Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), pada hari ini.

Majlis yang diselenggarakan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan itu didahului dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang. Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pemangku Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim dan disusuli dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.



IBTE, PUJA sepakat memacu kecemerlangan kejuruteraan seni bina

>> Muka 22

Melalui MoU tersebut kedua belah pihak akan melaksanakan Kerjasama Latihan (Training Collaboration), di mana kedua belah pihak bersetuju untuk memberikan kerjasama di dalam penyediaan program latihan sama ada bagi pelajar, tenaga pengajar atau wakil-wakil kedua belah pihak di dalam latihan yang bersesuaian yang akan dipersetujui secara bertulis.

Selain itu, kedua belah pihak akan menubuhkan PUJA IBTE Student Chapter iaitu satu pertubuhan khusus bagi pelajar-pelajar IBTE bagi mendapatkan peluang secara profesional dalam pembelajaran dan membangun kemahiran kepimpinan, menjalinkan rangkaian kerjasama dan peluang tunjuk ajar (*mentoring opportunities*).

Melalui MoU berkenaan juga, ia akan menggalakkan pelajar-pelajar IBTE untuk mendaftar sebagai ahli bagi PUJA Student Affiliate Member dan pendaftaran keahlian dan bayaran tahunan adalah dikecualikan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan, di samping itu tenaga pengajar IBTE juga boleh mendaftar sebagai ahli bagi PUJA Corporate Membership mengikut syarat yang diperuntukkan dan kebenaran oleh pihak PUJA secara bertulis.

MoU berkenaan juga membuka peluang bagi kerjasama dua hala di dalam bidang lain yang akan dipersetujui secara bertulis.

TADARUS KHEU DI MASJID RPN KAMPUNG PANDAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BELAIT, Khamis, 14 Mac. - Bulan Ramadan Al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan, bulan yang memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim.

Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan dan peluang-



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar kiri, Tadabbur Al-Quran oleh Penolong Pensyarah, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini.

Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) tidak ketinggalan dalam sama-sama merebut ganjaran pahala berlipat ganda melalui penyertaan para pegawai dan

kakitangan dari kementerian ini dalam rombongan bertadarus ke beberapa buah masjid di Negara Brunei Darussalam.

Petang tadi, rombongan Tadarus dari KHEU mengunjungi Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap

(Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran oleh Penolong Pensyarah, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan,

Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Seterusnya, Tadarus Al-Quran dan disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta kemudiannya bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Rombongan Tadarus pegawai dan kakitangan KHEU seterusnya akan bertumpu di Masjid Kampung Sungai Buloh, pada Rabu, 20 Mac 2024, jam 5.00 petang.

PLATFORM KUKUHKAN PERPADUAN NEGARA ISLAM

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin bertolak ke Makkah, Kerajaan Arab Saudi, malam tadi sebagai wakil kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned sebagai ahli peserta

di Persidangan Antarabangsa Liga Muslim Dunia.

Turut mengiringi beliau ialah Pemangku Ketua Buhuth di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Awang Mohammad Sofian bin Awang Tengah.

Persidangan antarabangsa berkenaan dijadualkan berlangsung selama dua hari bermula pada 17 hingga 18 Mac 2024, bertempat

di Hilton Makkah Convention Hotel, Makkah, Kerajaan Arab Saudi.

Persidangan yang membawa tema 'Membina Sempadan Antara Mazhab-mazhab Islam' berkenaan adalah anjuran Liga Muslim Dunia (Muslim World League), Makkah, Kerajaan Arab Saudi.

Tujuan pengumuman persidangan berkenaan adalah untuk mengukuhkan perpaduan negara Islam dalam mencapai kesedaran bagi melaksanakan tanggungjawab, dan seterusnya menubuhkan pemikiran yang positif dalam menghadapi cabaran terutama sekali dari segi perbezaan mazhab.

TIMBALAN Mufti Kerajaan bertolak ke Makkah, Kerajaan Arab Saudi sebagai wakil kepada Yang Berhormat Mufti Kerajaan sebagai ahli peserta di Persidangan Antarabangsa Liga Muslim Dunia.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN
Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"
"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"
"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"
"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Dukung inisiatif tanpa beg plastik

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Azmah Haji Ahad, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mac. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Big BWN Project dan Zero Waste Brunei telah mengadakan Kempen Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik di Gerai Ramadan Belia Stadium Negara Hassanal Bolkiah sepanjang bulan Ramadan 1445H bermula 12 Mac (1 Ramadan) baru-baru ini.

Gerai-gerai di Gerai Ramadan Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah tidak akan menyediakan beg plastik kepada para pengunjung sepanjang bulan Ramadan.

Ketika tinjauan Pelita Brunei ke

gerai berkenaan petang tadi dapat melihat rata-rata ramai pengunjung yang datang ke Gerai Ramadan Belia membawa beg kitar semula mereka semasa membeli juadah untuk berbuka.

Usaha sedemikian ini turut disambut baik oleh salah seorang pengusaha gerai, Dayang Siti Aishah binti Zaman dari Kitchen Family Zaman yang memberitahu inisiatif Hari Tanpa Beg Plastik ni perlu dilaratkan sampai bila-bila tidak hanya ketika waktu musim gerai di bulan Ramadan sahaja tetapi juga pada hari-hari dan bulan-bulan biasa dan di gerai-gerai tumpuan yang lain di seluruh negara.



KEMPEN Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik di Gerai Ramadan Belia Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Waspada Dosa, Pahala Di Hujung Jari'. Tarikh Tutup : 20 Mac 2024
2. 'Lakukan Perubahan Tangani Obesiti'. Tarikh Tutup : 27 Mac 2024
3. 'Kepentingan Persiapan Kewangan Untuk Hari Tua'. Tarikh Tutup : 3 April 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

"Dengan usaha sebegini kita dapat menjimatkan penggunaan beg plastik, dan tidak secara langsung dapat menjimatkan kos harga bagi pengusaha gerai dengan tidak menyediakan sama sekali atau mengurangkan penggunaan beg plastik.

"Dan kami sendiri juga akan menyarankan kepada para pelanggan untuk sentiasa membawa beg kitar semula mereka ketika membeli juadah makanan, selain ia lebih mudah, efisien dan selesa untuk mereka membawa beli-belian mereka," jelas beliau lagi.

Hal ini juga turut diakui oleh salah seorang pengunjung gerai, Awang Haji Effandi bin Haji Salleh yang sememangnya memuji dan menyokong usaha pihak kerajaan dan badan-badan berkepentingan dalam mengambil peduli perkara sebegini dan berusaha untuk melaratkan inisiatif ini dari semasa ke semasa.

"Jika dilihat sekarang kesedaran orang ramai itu sudah ada dan nampak bilamana ramai pengunjung datang dengan membawa beg kitar semula mereka, jadinya itu adalah sesuatu tindakan yang bagus, selain melatih disiplin diri untuk lebih ada rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar dan sebagainya, dengan Hari Tanpa Beg Plastik ini juga tidak secara langsung dapat menyelamatkan



DAYANG Siti Aishah binti Zaman dan Awang Haji Effandi bin Haji Salleh semasa ditemu bual (kiri dan kanan).

bumi dari terus tercemar dengan bahan-bahan plastik dan sampah sarap.

"Kalau dulu kita dapat lihat jika kawasan-kawasan gerai akan sering terlihat sampah atau sisa plastik sering dibuang sehingga mencemarkan keadaan suasana gerai, namun kini atas kesedaran dan tanggungjawab diri dan bersama, kita lihat tidak ada sisa plastik terbuang merata tempat, inilah yang perlu kita usahakan dan teruskan sampai bila-bila," ujar beliau lagi.

Dalam pada itu, orang ramai yang hendak berkunjung ke gerai-gerai dinasihatkan untuk membawa dan menggunakan beg guna semula semasa membeli juadah penyuangan, selain

juga digalakkan untuk membawa dan menggunakan barangan guna semula yang lain seperti bekas makanan, ringkat dan botol minuman.

Kempen yang melibatkan pihak kerajaan, sektor swasta, peniaga-peniaga dan badan-badan bukan kerajaan serta penyertaan orang ramai ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan bahan plastik sekali guna dan secara langsung mengurangkan penjejakan sisa plastik dan pencemaran plastik.

Pendekatan senegara ini sekali gus menyumbang kepada usaha negara untuk mencapai persekitaran yang lestari sejajar dengan Matlamat 2 Wawasan Brunei 2035.



Manfaatkan Ramadan dengan ibadah

merebut peluang untuk mendapatkan ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bulan Ramadan dan amat rugilah bagi orang-orang yang mensia-siakannya.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Setiap amalan kebaikan yang dilakukan oleh anak Adam akan dilipatgandakan dengan 10 kebaikan hingga tujuh ratus kali ganda. Allah Azzawajalla berfirman yang tafsirnya : "Kecuali amalan puasa. Amalan puasa tersebut adalah untuk-Ku, Aku sendiri yang akan membalasnya. Disebabkan dia telah meninggalkan syahwat dan makanan kerana-Ku. Bagi orang yang berpuasa akan mendapatkan dua kebahagiaan iaitu ketika dia berbuka dan ketika berjumpa dengan Tuhannya. Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa adalah lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi".* (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya ibadah puasa mempunyai hikmah dan rahsia yang tersendiri, antaranya ialah :

Pertama : Melatih diri menjadi hamba yang bersyukur. Ini kerana semasa berbuka puasa, perasaan syukur pasti akan terbit di dalam jiwa umat Islam yang telah berjaya mengharungi puasa di siang hari dan juga ketika menikmati rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu berupa juadah berbuka.

Kedua : Melatih diri menjadi hamba yang sabar. Dengan berpuasa setentunya akan melatih diri kita menjadi orang yang sabar. Ini kerana dugaan ketika menjalani ibadah puasa itu terlalu banyak. Sebagai contoh kita berjaya bersabar untuk menahan diri kita dari makan dan minum di siang hari di bulan Ramadan. Mungkin ada sebilangan orang yang berasa dirinya tidak kuat atau tidak tahan ketika di bulan Ramadan tetapi

kerana takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala lah yang menjadikan seseorang itu berjaya dan mampu bersabar menunggu sehingga waktu berbuka. Inilah kehebatan puasa di mana puasa itu dapat membentuk hati manusia untuk menjadi orang yang lebih sabar.

Ketiga : Melatih diri untuk menjadi hamba yang taat beribadah. Ini kerana bulan Ramadan adalah bulan di mana umat Islam lebih menumpukan perhatian mereka mengerjakan ibadah-ibadah berbanding dengan urusan-urusan lain. Dalam bulan inilah umat Islam akan lebih istiqamah berjemaah di masjid, membaca Al-Quran, beriktikaf, qiamullail dan lain-lain lagi. Setentunya ibadah yang kita lakukan di dalam bulan ini akan menjadi pendorong kepada kita untuk melakukan ibadah yang sama di bulan-bulan lain.

Justeru, bulan Ramadan ini adalah kesempatan yang terbaik bagi kita untuk memperbaiki diri dari sudut ibadah dan *taqarrub* kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, seperti mengerjakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan segala apa yang dilarang. Adalah menjadi kerugian jika sekiranya di bulan ini kita hanya sekadar berpuasa di siang hari, tetapi kita melepaskan peluang untuk memperbaiki diri, meningkatkan amalan, membiasakan diri dengan sedekah dan seumpamanya.

Sesungguhnya bulan Ramadan ini adalah bulan istimewa kerana pada bulan ini dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan syaitan dibelenggu. Justeru, sebagai hamba Allah yang sering melakukan kesilapan dan kekhilafan, janganlah kita melepaskan peluang di bulan yang mulia ini untuk memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala dosa dan kesalahan yang telah kita lakukan dan memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dijauhkan kita

dari azab api neraka.

Maka dalam kesempatan kita berada di bulan Ramadan ini, marilah kita istiqamah dalam beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah kita hanya rajin beribadah di awal-awal minggu Ramadan seperti sembahyang berjemaah di masjid, Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir, membaca Al-Quran dan lain-lain. Akan tetapi mula berkurangan di akhir-akhir minggu bulan Ramadan. Suasana seperti inilah yang perlu kita ubah, kerana Ramadan yang datang ini hanya sekali dalam setahun.

Di dalam bulan Ramadan ini, marilah kita melazimkan diri kita dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran, bersedekah, berzikir dan sebagainya. Apa yang penting, kita hendaklah menanamkan perasaan ikhlas semata-mata untuk meraih reda Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan keikhlasan kita melakukan ibadah amal kebajikan itu akan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya marilah kita berusaha mempertingkatkan amal ibadah kita di sepanjang bulan Ramadan ini dan berazam agar amalan yang kita kerjakan di bulan ini akan berterusan di bulan-bulan yang lain. Kita juga berdoa semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang ikhlas dalam membuat amal kebajikan dan segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : *"Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Allah dengan mengikhlasakan ibadah kepada-Nya semata-mata lagi tetap berdiri teguh atas dasar tauhid dan mendirikan sembahyang serta membayar zakat. Dan yang demikian itulah agama yang lurus".* (Surah Al-Bayyinah, ayat 5)

Bazar Ramadan : Peluang dapatkan pelbagai juadah berbuka



GERAI-gerai Ramadan tidak sering diadakan seperti hari-hari biasa dan hanya diadakan sekali setahun, di samping terdapat pelbagai pilihan juadah yang ditawarkan (kiri dan kanan).

Jalan Batu Satu, orang ramai tidak melepaskan peluang untuk membeli juadah berbuka di sana.

Pengarah Urusan HU Advertising, Pengiran Omar Ali bin Pengiran Haji Manshor semasa ditemui antara lain menjelaskan, pada tahun ini sebanyak 49 buah petak yang disewakan kepada para peniaga pada bulan Ramadan ini.

Tambahnya lagi, Bazar Ramadan Batu Satu dianjurkan oleh HU Advertising bermula 1 Ramadan hingga 29 Ramadan seperti lazimnya tahun lepas dan beroperasi dari jam 4.00 petang hingga 7.30 malam.

Menurutnya lagi, ada beberapa vendor yang pernah menyertai Bazar Ramadan Batu Satu pada



tahun lalu dan ada juga beberapa vendor baharu yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman, kuih-muih dan sebagainya.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan agar para penjual di Gerai-gerai Ramadan untuk sentiasa menjaga kebersihan dan kualiti makanan dalam

penyediaan juadah makanan yang dijual kepada para pelanggan.

Semasa ke bazar atau Gerai-gerai Ramadan, pengunjung juga perlu ingat untuk hanya membeli yang perlu sahaja dan tidak berlebihan, di samping merancang dan membawa duit secukupnya.

Selain itu, hadkan membeli makanan yang tinggi gula dan membeli m a k a n a n seimbang bagi juadah berbuka.



PENGARAH Urusan HU Advertising, Pengiran Omar Ali bin Pengiran Haji Manshor.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. – Setiap kali tibanya Ramadan, antara yang menjadi tumpuan ialah bazar atau Gerai Ramadan kerana pelbagai jenis juadah berbuka puasa daripada tradisional hingga moden boleh didapati dan dibeli.

Gerai-gerai Ramadan tidak sering diadakan seperti hari-hari biasa dan hanya diadakan sekali setahun, di samping terdapat pelbagai pilihan juadah yang ditawarkan.

Dalam tinjauan Pelita Brunei ke Bazar Ramadan Batu Satu yang diadakan di kawasan letak kereta dan Pusat Sukan Laksamana College of Business (LCB),

RANCANG HALA TUJU KERJAYA PELAJAR

■ Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan terus membarigakan mengenai peluang pekerjaan dalam Sektor Hospitaliti dan Pelancongan, dengan menganjurkan Ceramah Kerjaya di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang disertai oleh 80 pelajar.

Acara ini adalah kesinambungan daripada ceramah baru-baru ini yang diadakan di Pusat

Tingkatan Enam Tutong dan Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, semuanya bertujuan untuk menyedarkan para belia tentang kepelbagaian hala tuju kerjaya, dalam industri hospitaliti dan pelancongan.

Sesi taklimat yang disampaikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan menekankan perancangan pembangunan kerjaya, menyediakan pelajar dengan pemahaman menyeluruh tentang landskap hospitaliti dan pelancongan yang dinamik dan

menawarkan pelan hala tuju, untuk profesional yang bercita-cita tinggi dalam bidang ini.

Beberapa profesional dari Hotel Aman Hills, Royal Brunei Culinary dan TravelHub Tours and Travel Sdn. Bhd. turut menghadiri ceramah tersebut serta berkongsi pandangan dan pengalaman mereka yang tidak ternilai dalam industri pelancongan.

Merangkumi pelbagai sektor seperti Pengembaraan dan Pelancongan termasuk Seni Kulineri turut diketengahkan, untuk memastikan pelajar dilengkapi

dengan kemahiran dan kelayakan yang diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya dalam hospitaliti dan pelancongan.

Dalam usaha kolaboratif untuk memperkasa dan memberi kesedaran kepada pelajar tentang hala tuju kerjaya masa depan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Pembangunan Belia juga turut menyertai ceramah kerjaya dengan menganjurkan pameran mini.

Kedua-dua institusi membentangkan rangkaian kursus mereka iaitu seni kulineri,

hospitaliti dan pelancongan yang berkait rapat dengan industri hospitaliti dan pelancongan.

Jabatan berharap dapat bekerjasama dengan institusi pendidikan di seluruh Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan ceramah kerjaya pada masa hadapan.

Melalui penglibatan ini, pelajar akan ditawarkan platform untuk meneroka dan mengembangkan kerjaya masa depan mereka dalam industri pelancongan dan hospitaliti.

Pelajari asas sistem hidroponik, pengkomposan



AHLI Badan Pelajar serta pelajar Tahun 1, Fakulti Pertanian, UNISSA semasa melaksanakan Bengkel Hidroponik dan Pengkomposan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba (atas, bawah dan bawah sekali).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



RIMBA, Rabu, 13 Mac. - Ahli Badan Pelajar serta pelajar Tahun 1, Fakulti Pertanian, UNISSA baru-baru ini telah melaksanakan Bengkel Hidroponik dan Pengkomposan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba sempena Semarak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 (HK 40).

Antara tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk mendedahkan para pelajar peringkat menengah untuk mengenali asas bidang pertanian iaitu sistem hidroponik serta pengkomposan dari sisa organik dan manfaatnya bagi alam sekitar.

Seramai 43 pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah menghadiri Bengkel Hidroponik dan Pengkomposan itu.

Bengkel Hidroponik dan Pengkomposan yang dibentangkan oleh ahli Badan Pelajar dan pelajar Tahun 1 Fakulti Pertanian merangkumi pelbagai topik, termasuklah pengenalan hidroponik dan pengkomposan, manfaatnya serta kaedah hidroponik dan pengkomposan itu sendiri.

Bengkel kemudiannya dilanjutkan dengan mini kuiz dan juga aktiviti praktikal pembuatan struktur hidroponik dan teknik pengkomposan seperti pengkomposan tradisional menggunakan tong kompos dan vermikompos.

Semarakkan Ramadan dengan aktiviti berkebajikan



AKTIVITI membersihkan kubur bertempat di Tanah Perkuburan Islam Serai Pimping (atas dan bawah).



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MUARA, Rabu, 13 Mac. - Sudah menjadi kelaziman masyarakat Islam pelbagai peringkat umur di negara ini, setiap kali menjelang bulan Ramadan, akan mengunjungi tanah perkuburan dengan melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebajikan seperti membersihkan kubur, bertahil dan doa arwah.

Kumpulan Dikir Azkayra, dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang, baru-baru ini mengadakan aktiviti membersihkan kubur bertempat

di Tanah Perkuburan Islam Serai Pimping, di sini.

Aktiviti membersihkan kubur yang diadakan buat pertama kali itu, disertai oleh seramai 35 ahli dikir dan diketuai oleh Ketua Kumpulan Dikir Azkayra, Dayang Nurul Iffah Amalina binti Omar.

Selesai membersihkan, Ahli-Ahli Kumpulan Dikir Azkayra membaca Surah Al-Mulk beramai-ramai.

Kumpulan Dikir Azkayra yang mempunyai seramai 46 ahli pada masa ini, bergiat aktif dalam aktiviti dikir dan tausyeh untuk majlis-majlis keagamaan dari tahun 2015.

Dengan adanya pendedahan terhadap sistem hidroponik serta pengkomposan ini, diharap dapat

memupuk minat para pelajar dan menarik lebih ramai lagi para belia untuk menceburi bidang pertanian.

PROJEK FATHUL BARAKAH 5.0 BANTU KELUARGA MUALAF YANG MEMERLUKAN



KETUA Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri hadir selaku Ketua Rombongan menyerahkan sumbangan kepada para penerima (kiri dan kanan).

Mualaf) dan Ratib Al-Attas (Siri Bimbingan Mualaf) diteruskan lagi dengan mengunjungi ke kediaman enam buah keluarga mualaf yang memerlukan di kawasan pedalaman Daerah Temburong.

Hadir selaku Ketua Rombongan dan juga seterusnya menyempurnakan penyerahan tersebut ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri.

Turut menyertai rombongan ini ialah Yang Dipertua Persatuan Saudara Baru Daerah Temburong, Awang Muhd Ashim Amrullah bin Abd Rahman.

Projek Fathul Barakah 5.0



bertujuan untuk membantu meringankan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan harian keluarga mualaf yang memerlukan. Ia juga merupakan salah satu dakwah bil hal dalam memeduli perkembangan kehidupan dan kebajikan asnaf mualaf supaya mereka dapat menjalankan ibadah dengan

sempurna. Selain itu, projek seumpama ini dapat mengeratkan lagi hubungan ukhuwah antara persatuan-persatuan mualaf seluruh negara bersama warga PDI, dalam sama-sama mengukuhkan kerja-kerja berkebajikan untuk kesejahteraan para mualaf, khususnya di NBD.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiyah

TEMBURONG, Rabu, 13 Mac. - Lebih 250 buah keluarga mualaf di Negara Brunei Darussalam telahpun menerima sumbangan berupa makanan asasi melalui Projek Fathul Barakah 5.0 yang mana telah diungkayahkan oleh Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Persatuan Saudara-

saudara Baru, Negara Brunei Darussalam (NBD) secara serentak di keempat-empat daerah dengan kaedah pandu lalu pada 17 dan 18 Februari 2024 yang lalu.

Penyerahan sumbangan Projek Fathul Barakah 5.0 dan buku Panduan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witr (Siri Bimbingan

Raih ganjaran besar pada bulan Ramadan



MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) menganjurkan Majlis Bertadarus bagi ahli-ahlinya bertempat di kediaman Naib Yang Dipertua II MWNBD, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd Ali, Jalan Jerudong (kiri dan bawah kiri).

merupakan sesuatu yang amat dinanti-nantikan oleh umat Islam kerana bulan ini penuh dengan keberkatan dan keampunan.

Selain itu, bagi mendekatkan diri dengan Al-Quran dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan, pelbagai acara telah diadakan seperti Majlis Bertadarus dan berbuka puasa bersama anak-anak yatim.

Sehubungan itu, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) menganjurkan Majlis Bertadarus bagi ahli-ahlinya bertempat di kediaman Naib Yang Dipertua II MWNBD, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd Ali, Jalan Jerudong, di sini.

Majlis yang dihadiri oleh seramai 40 ahli terdiri daripada persatuan bergabung di bawah MWNBD itu, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Naib Yang Dipertua II MWNBD, Datin Hajah Dayang Masni, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan doa memulakan bacaan Al-Quran beramai-ramai.

Sejurus itu diteruskan dengan bacaan Tadarus Juzuk 2 secara bergilir diikuti dengan bacaan Tahliil dan Doa Tahliil dikepalai oleh Hajah Saadiah binti Haji Ibrahim.

Sementara Doa Selamat pula dibacakan oleh Messuri binti Haji Musa dan Doa Allah Peliharakan Sultan dibacakan oleh Pengiran

JERUDONG, Khamis, 14 Mac. - Memperoleh banyak ganjaran pahala dan rahmat serta keredaan

daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan amal ibadah di bulan Ramadan



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.

Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50-74 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50-69 tahun; dan
2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 25-64 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

Hajah Rakhiah binti Pengiran Haji Abu Bakar.

Naib Yang Dipertua II MWNBD, Datin Hajah Dayang Masni sebelum mengakhiri majlis dalam ucapannya menyatakan tujuan majlis bukan sahaja sebagai kegiatan tahunan MWNBD yang dilaksanakan di bulan Ramadan tetapi mengambil peluang keemasan untuk mendekatkan diri lebih kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Katanya, ia juga merupakan peluang keemasan untuk bersedekah dengan penuh ikhlas dan kemampuan selain para ahli memasang niat terlebih awal iaitu acara tersebut juga dianggap majlis ilmu semata-mata kerana Allah.

Majlis merupakan acara tahunan MWNBD yang dikendalikan secara bergilir-gilir mengikut jadual dan jujuk-jujuk Al-Quran yang telah diaturkan.



Obesiti memudaratkan kesihatan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

OBESITI sering dikaitkan dengan tabiat makan yang disemai sejak waktu kecil lagi. Di mana, kanak-kanak yang mempunyai berat badan berlebihan biasanya akan menjadi obes atau gemuk ketika dewasa. Pelbagai penyakit boleh menyerang andai masalah obesiti ini tidak diambil peduli.

Salah satu faktor risiko utama bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, kencing manis, tekanan darah tinggi dan beberapa jenis kanser adalah obesiti. Oleh sebab kesan negatifnya terhadap kesihatan, produktiviti dan ekonomi negara, obesiti dikategorikan sebagai salah satu isu kesihatan awam yang utama di seluruh dunia.

Hari Obesiti Sedunia

Seperti lazimnya, Hari Obesiti Sedunia diraikan pada setiap 4 Mac untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang ramai tentang punca obesiti dan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi menangani obesiti. Tema tahun ini ialah 'Mari Berbicara Mengenai Obesiti dan Kanak-kanak'. Tujuannya adalah untuk menumpukan perhatian terhadap masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak termasuk para remaja.

Statistik

Di Negara Brunei Darussalam, Kaji Selidik Global School-based Health Survey (GSHS) 2019 menunjukkan kadar obesiti dalam kalangan remaja yang berumur 13 hingga 17 tahun adalah 18.1 peratus iaitu meningkat dari 17.4 peratus pada tahun 2014. Kadar ini merupakan kadar yang tertinggi dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Manakala, kadar berat badan berlebihan

dalam kalangan remaja juga tinggi iaitu 35.6 peratus pada tahun 2019 berbanding 35.2 peratus pada tahun 2014. Saringan kesihatan yang dijalankan oleh Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, Kementerian Kesihatan dalam kalangan pelajar-pelajar di seluruh negara juga mendapati kadar berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan pelajar-pelajar Tahun 1, 4 dan 7 dalam tempoh masa lima tahun kebelakangan adalah di antara 25 peratus ke 30 peratus.

Obesiti dalam kalangan kanak-kanak

Pada masa kini, obesiti bukanlah sesuatu yang asing lagi bagi kanak-kanak untuk mengalaminya. Obesiti akan timbul apabila individu tersebut mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat. Dalam perutusan sempena Hari Obesiti Sedunia 2024, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak ini sangat membimbangkan kerana ia boleh menjejaskan kesejahteraan emosi dan mental seperti mengalami perasaan kemurungan, tekanan (stres) yang tinggi, kebimbangan yang melampau dan perasaan terasing secara sosial.

Masalah emosi dan mental tersebut boleh berterusan sehingga dewasa. Jika masalah obesiti ini tidak dibendung dari awal, trend ini akan terus meningkat dan kanak-kanak yang obes mempunyai risiko yang tinggi menjadi dewasa yang obes dan mengalami masalah kesihatan disebabkan oleh penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Tip mengurangkan pengambilan lemak dalam makanan

- Pilih cara masakan yang sihat seperti cara kukus, pais, ampap, rebus, panggang,

bakar dan *microwave*

- Pilihan susu rendah lemak atau krim daripada susu penuh lemak, susu manis, susu cair atau krimer untuk minuman awda
- Gantikan santan atau krim atau susu cair dengan susu rendah lemak
- Pilih potongan daging yang tidak berlemak atau isi manis (satu atau dua kali seminggu)
- Buangkan lemak yang ada pada daging atau ayam dan kulit ayam sebelum dimasak
- Jika perlu menumis masakan, gunakan satu sudu makan minyak untuk hidangan empat orang
- Buangkan minyak atau lemak yang berlebihan pada kuah atau sup
- Elakkan daripada mengambil kuah yang mengandungi banyak minyak atau bersantan apabila makan di luar

Kurangkan pengambilan gula

- Air adalah minuman yang terbaik, bagaimanapun awda boleh memilih minuman campur atau bergas yang bertanda 'Diet Drinks', 'Reduced atau No Added Sugar', 'Light' atau 'air buah tanpa gula'
- Kurangkan pengambilan gula dalam minuman, masakan dan semasa membuat kek atau kuih
- Makanlah buah segar atau kacang panggang tanpa garam sebagai snek daripada memakan gula-gula dan coklat
- Kurangkan memakan kuih, kek, biskut manis, sirap, minuman campur dan bergas

Kurangkan pengambilan garam

- Gunakan sedikit garam, bahan perasa, sos dan belacan di dalam masakan
- Gantikan garam dengan jus limau, herba dan rempah
- Janganlah menambah kicap atau garam

bila makan

- Kurangkan snek masin seperti keropok, kacang goreng dan buah-buahan berjeruk
- Kurangkan pengambilan makanan masin seperti ikan masin, telur masin, sambal dan daging yang diproses atau di dalam tin
- Pilihan barang hasilan yang bertanda 'Low Salt' atau 'Reduced Salt' dan lihatlah nama lain bagi garam seperti sodium bikarbonat, *baking soda* dan *monosodium glutamate*

Bagaimana menangani obesiti dalam kalangan kanak-kanak?

Untuk menangani obesiti dalam kalangan kanak-kanak, elakkan mereka daripada memakan snek yang tidak sihat kerana mengandungi lemak, gula dan garam yang tinggi. Tingkatkan aktiviti fizikal mereka dengan menggalakkan penglibatan dalam aktiviti sukan atau beriadah. Berikan susu ibu sahaja kepada anak damit yang baru lahir sehingga berumur 6 bulan. Ambil sekurang-kurangnya tiga sajian sayur dan dua sajian buah setiap hari. Makan mengikut keperluan dan saiz sajian yang betul. Hadkan meminum minuman ringan dan manis. Gantikan dengan air kosong, susu atau jus buah tanpa gula. Kurangkan kekerapan makan di luar terutamanya di restoran makanan segera (*fast food*).

Sebagai manusia kita perlulah berpada-pada dalam pengambilan makanan seharian. Harulah lebih berhati-hati dalam memilih dan menjauhi jenis makanan yang boleh memberi kemudaratkan kepada kesihatan. Kita perlulah sedar bahawa pentingnya untuk mengawal berat badan untuk menaikkan kualiti hidup. Untuk memastikan obesiti tidak berlaku, maka kita perlu mengamalkan gaya hidup sihat, pemakanan yang seimbang dan melakukan senaman.



'EARPHONE' MAMPU MEROSAKKAN DERIA PENDENGARAN

CARA MENCEGAH :

MINIMUMKAN PENGGUNAAN EARPHONE

ELAK PENGGUNAAN EARBUD

TETAPKAN TAHAP BUNYI MP3 PLAYER TIDAK LEBIH DARI SETENGAH VOLUME

TETAPKAN SETIAP PENGGUNAAN EARPHONE TIDAK LEBIH DARIPADA SATU JAM

BERIMASA REHAT UNTUK TELINGA

Pentingnya jaga pendengaran

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita

TELINGA adalah salah satu deria yang paling penting bagi manusia dan kita bertanggungjawab untuk menjaga dan menjadikan pendengaran kita selamat. Dalam menjalankan fungsinya sebagai deria pendengaran, telinga akan menangkap bunyi-bunyi di sekelilingnya, kemudian memprosesnya lebih lanjut sehingga otak mengenali bunyi tersebut. Disebabkan fungsinya yang sangat penting, maka menjaga kesihatan telinga adalah hal yang perlu kita lakukan.

Sebagai usaha meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan telinga, setiap 3 Mac akan disambut Hari Pendengaran Sedunia. Dengan adanya hari tersebut, diharapkan kita akan lebih peduli dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan terhadap kehilangan pendengaran dan pekak.

Dalam perutusan sempena Hari Pendengaran Sedunia 2024, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata, pendengaran memainkan peranan penting dalam berkomunikasi, memahami persekitaran dan mengekalkan keselamatan. Dengan pendengaran yang baik, individu itu dapat mendengar dan memahami percakapan orang serta memberi respons yang tepat.

Selain itu, pendengaran juga dapat membantu dalam pengesanan bunyi yang mengindikasikan bahaya. Kehilangan pendengaran pula dirujuk sebagai kekurangan upaya yang tidak dapat dilihat kerana kekurangan simptom fizikal, stigma di kalangan komuniti dan sering diabaikan oleh penggubal dasar.

Tema

Seperti tahun-tahun sebelumnya, setiap Sambutan Hari Pendengaran Sedunia

akan diberikan tema. Pada tahun ini, tema Sambutan Hari Pendengaran Sedunia ialah Mengubah Minda : Mari Jadikan Penjagaan Telinga dan Pendengaran Sebagai Realiti Untuk Semua.

Tema ini memfokuskan kepada kepentingan dalam meningkatkan kesedaran mengenai kehilangan pendengaran, mempromosikan penjagaan telinga dan pendengaran serta menyokong akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan pendengaran.

Ia juga memberikan penekanan terhadap kepentingan pengesanan awal, pencegahan dan rawatan kehilangan pendengaran serta menangani kesan sosial dan ekonomi akibat gangguan pendengaran terhadap individu dan komuniti di seluruh dunia.

Objektif

Bersempena dengan Hari Pendengaran Sedunia 2024, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menggariskan beberapa objektif, antaranya ialah :

- Melawan tanggapan yang salah berkaitan dengan masalah telinga dan pendengaran dalam komuniti dan kalangan penyedia penjagaan kesihatan.
- Menyediakan maklumat yang tepat dan berasaskan bukti untuk mengubah persepsi orang ramai terhadap masalah telinga dan pendengaran.
- Menyeru negara dan masyarakat untuk mengubah persepsi dan pemikiran stigma terhadap kehilangan pendengaran bagi memastikan akses yang saksama kepada penjagaan telinga dan pendengaran.

Statistik

Menurut WHO, kira-kira 466 juta orang telah mengalami tahap kehilangan pendengaran yang sederhana atau lebih tinggi. Di Negara Brunei Darussalam (NBD),

statistik yang diperolehi dari Perkhidmatan Audiologi NBD pada tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan seramai 180 pesakit baharu mengalami masalah kehilangan pendengaran tahap ringan ke sederhana yang melibatkan sebelah telinga, berbanding dengan 162 pesakit baharu di tahun sebelumnya.

Bagi masalah kehilangan pendengaran di tahap teruk ke sangat teruk pula, seramai 27 orang telah dikenal pasti termasuk lima orang merupakan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Manakala, masalah kehilangan pendengaran yang melibatkan kedua-dua belah telinga (*bilateral hearing loss*) di tahap ringan ke sederhana menunjukkan peningkatan drastik dari 540 orang pada tahun 2022 ke 686 orang pada tahun 2023 termasuk 121 kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Pada tahun 2023 seramai 61 pesakit mengalami masalah kehilangan pendengaran di tahap teruk ke sangat teruk termasuk 59 daripadanya adalah mereka yang berumur 12 tahun ke atas.

Usaha Kementerian Kesihatan

Salah satu usaha penting yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui kerjasama antara Jabatan Otorinolaringologi, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan Perkhidmatan Kejururawatan iaitu dengan penubuhan Klinik Program Saringan Pendengaran Anak Damit di hospital tersebut dan mula beroperasi pada 17 Jun 2023 yang lalu. Klinik Program Saringan ini dikendalikan oleh jururawat-jururawat yang telah menerima latihan terperinci dalam ujian saringan pendengaran anak damit.

Dengan adanya klinik ini dapat mengesan sebarang masalah pendengaran kongenital kekal agar dapat diberi intervensi awal seperti pemasangan alat bantu pendengaran, terapi pertuturan dan bahasa, terapi dari guru

masalah pendengaran serta konsultasi dan rawatan dari Pakar Paediatric dan Pakar Otorinolaringologi.

Pada bulan Februari 2023, Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan satu program latihan iaitu Aural Care for Nurses in The Community dengan kerjasama Jabatan Otorinolaringologi, Perkhidmatan Kesihatan Asasi dan Pusat Latihan dan Perkembangan Kejururawatan (PLPK). Diharap dengan adanya program latihan ini dapat meningkatkan lagi perkhidmatan penjagaan telinga dan menangani masalah pendengaran dalam kalangan penduduk di NBD.

Jadikan pendengaran awda selamat

Pendengaran yang baik sangat perlu untuk sepanjang hayat melalui penjagaan telinga dan pendengaran. Banyak punca hilang pendengaran boleh dicegah, termasuk yang disebabkan oleh pendedahan kepada bunyi yang kuat. Penggunaan *earphone* juga mampu merosakkan deria pendengaran. Oleh itu, kita perlu menjaga pendengaran kita dengan menggunakan penyumbat telinga *ear plug* atau *ear muff* apabila persekitaran kita bising, hadkan pendedahan kepada tahap bunyi atau audio yang kuat dan menjalankan pemeriksaan pendengaran secara berkala untuk menjaga keselamatan pendengaran. Kita juga disarankan untuk tidak mengorek telinga dengan benda-benda tajam atau memasukkan cairan ke telinga kecuali dengan nasihat daripada doktor.

Masalah pendengaran boleh menimpa sesiapa sahaja tanpa mengira umur. Oleh itu, penting bagi kita untuk menjalani pemeriksaan awal jika mempunyai masalah pendengaran. Marilah sama-sama kita menjaga kesihatan telinga dan pendengaran kerana pendengaran yang baik merupakan aset berharga bagi kehidupan kita.

BRUNEI TERUS MENJADI TARIKAN PELABUHAN KAPAL PERSIARAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

MUARA, Khamis, 14 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalu-alukan kedatangan Insignia Oceania di Terminal Pelabuhan Muara sejak lawatan terakhirnya ke negara ini tahun lepas.

Oceania Insignia menjadi kapal persiaran antarabangsa keempat tahun ini yang berlabuh di Pelabuhan Muara selepas lawatan Crystal Symphony baru-baru ini pada 10 Mac 2024.

Peningkatan berterusan ketibaan kapal persiaran selepas COVID membantu menjadikan NBD sebagai destinasi kapal persiaran yang menarik di Asia Tenggara.

Oceania Insignia meneruskan pelayarannya dengan berlepas dari Surabaya, Indonesia dan tiba di negara ini dengan 601 penumpang dan 400 anak kapal.

Para pelancong kemudiannya berpeluang menikmati pakej pelancongan, antaranya menerokai mercu tanda terkenal negara

termasuk Muzium Alat Kebesaran Diraja; Jame' 'Asr; Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin; Istana Nurul Iman dan Kampung Ayer.

Dalam tempoh yang singkat mereka juga berpeluang membeli pelbagai jenis cenderamata tradisional Brunei.

Steve, salah seorang penumpang dari USA datang ke NBD buat pertama kali dan terpijak dengan ketenangan Pantai Rekreasi Muara. Sebagai pencinta pantai katanya, dia berjaya merakam gambar yang menakjubkan dan juga menyusun timbunan batu untuk kenangan.

Lili dari Australia memuji reka bentuk seni bina yang menakjubkan ketika melawat masjid ikonik dan juga mempunyai pengalaman menarik ketika menerokai kampung air.

Sementara, Elena dari UK yang pertama kali berkunjung ke negara ini melahirkan rasa gembira apabila berkesempatan berkunjung ke

Istana Nurul Iman, selain dapat menikmati persekitaran hijau yang subur dan hidupan liar yang pelbagai.

NBD bersedia untuk mengalu-alukan dua lagi kapal persiaran tahun ini, dengan yang berikutnya dijadualkan membuat lawatan

sulungnya ke negara ini. Pelayaran yang akan datang, Seven Seas Explorer, dijangka tiba di perairan Brunei pada 28 November 2024.



OCEANIA Insignia menjadi kapal persiaran antarabangsa keempat tahun ini yang berlabuh di Pelabuhan Muara selepas lawatan Crystal Symphony baru-baru ini pada 10 Mac 2024.



Biawak Air Asia / Asian Water Monitor Lizard

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

EDISI kapsul menarik Kenali Hidupan Liar Kitani untuk bulan ini akan mengeksplorasi dunia menarik spesies reptilia iaitu Biawak Air Asia, iaitu spesies reptilia yang tergolong dalam keluarga Varanidae.

Biawak Air Asia, secara saintifik dikenali sebagai *Varanus salvator*, merupakan spesies biawak besar yang dijumpai dalam pelbagai habitat di Asia, termasuk paya bakau, sungai, dan kawasan persisiran pantai. Mereka terkenal dengan saiz yang mengagumkan, di mana sesetengah daripada mereka boleh mencapai panjang lebih daripada enam kaki. Makhluk yang mengagumkan ini mempunyai badan yang licin, tajam, dengan ekor yang kuat, menjadikan mereka sangat sesuai untuk berenang dan bergerak di daratan.

Di Negara Brunei Darussalam, Biawak Air Asia adalah merupakan pemangsa yang oportunistik, biasanya didapati di kawasan

hutan berhampiran dengan sumber air. Biawak memakan pelbagai jenis makanan seperti ikan, amfibia, serangga, telur dan kadangkala buah-buahan. Biawak mempunyai kebolehan berenang yang cemerlang dan berkeupayaan untuk berlari dengan cepat. Mereka juga memiliki lidah yang panjang dan bercabang, yang digunakan untuk mengesan bau dan mencari makanan.

Biawak memainkan peranan penting dalam ekosistem sebagai pengawal populasi serangga dan haiwan kecil lain serta sebagai mangsa bagi pemangsa yang lebih besar. Spesies biawak membiak dengan cara bertelur. Mereka sering menggali lubang atau menggunakan sarang burung lain untuk meletakkan telur mereka. Proses penetasan telur boleh mengambil masa beberapa bulan, bergantung pada suhu dan kelembapan.

Dengan pengurusan dan pemeliharaan yang baik, keberadaan biawak boleh meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan sekali gus membantu dalam pembangunan ekonomi melalui pelancongan alam semula

■ Sumber Foto : Awang Markim Haji Rahman, BWPC 2022, JPH

Kelas Spesies : Reptile

Order : Squamata

Nama Tempatan : Biawak

Nama Saintifik : *Varanus salvator*

IUCN : *least concern* / kurang dikhuatiri

CITES : Appendix II

jadi. Menurut Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa (IUCN) dan Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (CITES), kebanyakan spesies biawak tidak dianggap terancam tetapi spesies Biawak Air Asia termasuk di bawah Appendix II, CITES. Ini adalah kerana spesies biawak ini diperdagangkan di luar negara untuk daging dan kulitnya.

Kami berharap *biskita* telah dapat mempelajari sesuatu yang baru dan menarik

mengenai spesies haiwan ini kerana setiap hidupan liar memainkan peranan unik dalam ekosistem dan bergantung kepada kita untuk memelihara dan melindungi mereka.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*. Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara hutan *kitani*.

CUACA PANAS : ORANG RAMAI DIINGATKAN ELAK LAKUKAN PEMBAKARAN TERBUKA



LABUAN, 13 Mac. - Pejabat Meteorologi Labuan mengeluarkan peringatan menggesa orang ramai agar mengelak daripada melakukan pembakaran terbuka memandangkan musim kemarau

dijangka berterusan hingga suku kedua tahun ini. Dalam kenyataan kepada Bernama, pejabat itu memaklumkan pulau bebas cukai berkenaan mengalami pengurangan

penurunan hujan yang ketara sejak Januari lepas dengan kadar hujan antara 2.8 milimeter (mm) hingga 29.6 mm. "Tiada hujan direkodkan dari 8 Mac hingga hari ini, memburukkan

lagi keadaan panas dan kering pada masa ini, namun menjelang hujung Mac hingga April negara dijangka mengalami peningkatan hujan dan ribut petir," menurut kenyataan itu. Musim kemarau berterusan ini disebabkan oleh berakhirnya fasa monsun timur laut dan El Nino bagi tempoh antara Februari

hingga Mac. Justeru, pihak berkuasa mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan mengelakkan aktiviti yang boleh memburukkan lagi keadaan, terutamanya pembakaran terbuka. - ©BERNAMA

Dua lelaki maut dalam insiden berbalas tembakan di Pattani

PATTANI, 14 Mac. - Seramai dua lelaki yang disyaki anggota Barisan Revolusi Nasional (BRN), maut dalam kejadian berbalas tembakan dengan renjer di Pattani pada awal pagi Khamis. Renjer telah mengepung sebuah rumah di Sai Buri dipercayai menjadi tempat persembunyian suspek. Komander Pasukan Renjer Wilayah Sempadan Selatan, Kol Satiraphong Athan berkata

pihak berkuasa cuba memujuk suspek supaya menyerah diri namun gagal berbuat demikian. Suspek sebaliknya melepaskan tembakan ke arah pasukan keselamatan. "Dengan gas pemedih mata, renjer masuk ke dalam rumah dan berlaku kejadian berbalas tembakan. Seorang lelaki jatuh dari siling dan meninggal dunia.

Kami menemukan sepucuk pistol berhampiran mayatnya," katanya kepada pemberita. Dalam satu lagi kejadian, komander berkata seorang lelaki yang cuba melarikan diri ditembak mati dan terperangkap dalam siling rumah. Pihak berkuasa kemudiannya mengenal pasti kedua-dua lelaki itu sebagai individu dikehendaki mahkamah Pattani atas kesalahan berkaitan keselamatan. - ©BERNAMA

Delegasi dari 36 negara pantau pilihan raya Presiden Rusia

MOSCOW, 14 Mac. - Pilihan raya Presiden Rusia akan dipantau oleh delegasi dari 36 negara dan lima pertubuhan antarabangsa, termasuk Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) dan Parlimen Amerika Tengah (PARLACEN), menurut timbalan speaker Majlis Persekutuan Rusia, Konstantin Kosachev, lapor

Sputnik. Menurut beliau, secara keseluruhan, lebih 200 pemerhati parlimen dan puluhan lagi pakar pilihan raya telah diberikan tauliah melalui Majlis Persekutuan dan jumlah itu mungkin meningkat. Rakyat Rusia akan keluar mengundi dari 15 hingga 17 Mac

untuk memilih presiden baharu. Penyardang Presiden, Vladimir Putin akan dicabar beberapa calon lain termasuk Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Artik dan Timur Jauh Dewan Rakyat Nikolai Kharitonov, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Vladislav Davankov dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa Dewan Rakyat, Leonid Slutsky. - ©BERNAMA

Rel China-Laos catat aliran penumpang seramai 30.2 juta

BEIJING, 15 Mac. - Perkhidmatan kereta api China-Laos merekodkan aliran penumpang seramai 30.2 juta setakat 12 Mac, menurut China Railway. Jumlah hantaran kargo yang dikendalikan menerusi rel itu pula mencatat 34.24 juta tan, antaranya lebih 7.8 juta tan adalah secara rentas sempadan. Di segmen China, jumlah tren penumpang yang beroperasi setiap hari meningkat kepada 51 secara purata berbanding 35 pada peringkat awal, dengan hantaran penumpang harian mencatat sehingga 103,000. Sementara itu, di segmen Laos, tren berkenaan bertambah daripada empat kepada

12, menyaksikan paras tertinggi aliran penumpang seramai 12,808 orang sehari. Sejak 13 April 2023, rel China-Laos memperkenalkan perkhidmatan penumpang antarabangsa sekali gus memendekkan perjalanan di antara Kunming dan Vientiane keadasehari. Setakat ini, sebanyak 155,000 perjalanan melibatkan pengembara dari 87 buah negara dan wilayah dikendalikan melalui perkhidmatan berkenaan. Menerusi mod pengangkutan baharu yang menggabungkan rel China-Laos dan rel kargo China-Eropah, masa penghantaran kargo di antara negara Asia Tenggara

seperti Laos dan Thailand dengan negara-negara Eropah dipendekkan kepada 15 hari. Barangan kargo yang dikendalikan melalui perkhidmatan rel China-Laos juga semakin bertambah, menyaksikan kategorinya meningkat kepada 2,900 jenis merangkumi elektronik, fotovolt, komunikasi dan automobol, berbanding hanya 10 jenis pada awal pembukaan. Sementara itu, kos logistik Vientiane-Kunming turut menurun sebanyak 40 hingga 50 peratus berbanding tempoh sebelum rel berkenaan beroperasi. - ©BERNAMA

CMG anjur Dialog Media Global di Chicago

CHICAGO, 15 Mac. - Kumpulan Media China (CMG) menjadi tuan rumah Dialog Media Global di Universiti Chicago di Amerika Syarikat (AS) pada Rabu. Acara itu anjuran bersama Dewan Perniagaan Am China-AS Chicago (CGCC-Chicago), menghimpunkan hampir 100 tetamu terdiri ahli politik, perniagaan dan akademik untuk membincangkan pelbagai topik, antaranya kerjasama China-AS dalam ekonomi dan perdagangan, pertukaran pendidikan, peluang pasaran China dan prospek perindustrian. Presiden CMG Shen Haixiong dalam ucapannya menerusi

rakaman video telah menyentuh mengenai pentingnya usaha China dalam mengembangkan kuasa produktif kualiti baharu dan mewujudkan pembangunan berkualiti. Beliau yang memetik hasil tinjauan oleh Rangkaian Televisyen Global China (CGTN) berkata sebanyak 93.1 peratus responden global berpendapat bahawa ekonomi China berdaya tahan dan mempunyai potensi besar. Shen berkata CMG komited untuk membina jambatan supaya rakyat China, AS dan seluruh dunia dapat melakukan pertukaran dan komunikasi, mencari titik persamaan sambil mengekalkan

perbezaan dan mewujudkan komuniti berkongsi nasib. Sementara itu, Duta Besar China ke AS Xie Feng berkata dunia menyaksikan usaha gigih China dalam pembangunan berkualiti tinggi melalui 'dua sesi' iaitu persidangan tahunan Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) dan Majlis Mesyuarat Politik Rakyat China (CPPCC) yang baru sahaja berakhir. "China kekal sebagai destinasi popular bagi pelaburan global. Ramai yang percaya bahawa 'memeluk China' bermakna mendakap peluang dan melabur di China bermakna melabur untuk masa hadapan," kata beliau menerusi pautan video.

Fortescue guna ammonia sebagai bahan api marin pertama di dunia

SINGAPURA, 15 Mac. - Syarikat tenaga hijau Australia, Fortescue telah mencapai kejayaan dengan menggunakan campuran ammonia dan diesel sebagai bahan api marin buat kali pertama di dunia. Dalam satu kenyataan bersama, Fortescue dan Penguasa Maritim dan Pelabuhan Singapura (MPA) berkata ujian bahan api itu diadakan dalam tempoh tujuh minggu di atas kapal Fortescue Green Pioneer yang berdaftar di Singapura di Pelabuhan Singapura. Kapal itu diisi dengan cecair amonia dari sebuah kemudahan amonia sedia ada di Terminal Vopak Banyan di Pulau Jurong bagi ujian berkenaan. Ujian bahan api termasuk ujian yang ketat terhadap sistem penyimpanan amonia, paip berkaitan, sistem penghantaran bahan api gas, enjin yang dinaik taraf dan kelayakan melakukan pelayaran kapal Fortescue Green Pioneer. Susulan ujian itu, Fortescue Green Pioneer menerima kelulusan daripada Pendaftaran Kapal-Kapal Singapura dan pertubuhan klasifikasi DNV untuk menggunakan campuran ammonia dan diesel sebagai bahan api marin. - ©BERNAMA

14 tentera laut Thailand cedera, kapal terbakar terkena tembakan meriam

BANGKOK, 15 Mac. - Seramai 14 anggota Tentera Laut Diraja Thailand mengalami kecederaan apabila tembakan meriam dari kapal tentera laut, HTMS Chonburi mengenai bahagian belakang kapal HTMS Khirirat di Pangkalan Tentera Laut Sattahip di Chon Buri. Jurucakap Tentera Laut Diraja Thailand, Laksamana Muda Wirudom Muangjeen berkata dalam kejadian kira-kira tengah hari Khamis, tembakan artileri tentera laut itu dilepaskan dari artileri depan HTMS Chonburi terkena bahagian belakang HTMS Khirirat, sebuah frigat, yang berlabuh di Jeti Laem Thian. Pasukan bomba bertindak memadamkan kebakaran di atas kapal berkenaan. Semua mangsa dikejarkan ke hospital di Sattahip dan ramai kru yang terhidu asap. HTMS Chonburi kembali ke pangkalan pada Rabu selepas mengalami pincang tugas semasa latihan menembak yang menyaksikan peluru tertinggal di dalam laras meriam. Tembakan itu dilaporkan berlaku semasa pembaikan. - ©BERNAMA

Presiden Palestin lantik Mohammad Mustafa bentuk kerajaan baharu

RAMALLAH (PALESTIN), 15 Mac. - Presiden Palestin Mahmoud Abbas melantik Mohammad Mustafa sebagai Perdana Menteri pada Khamis dan menugaskan beliau untuk membentuk kerajaan baharu. Pengumuman itu dibuat berdasarkan dekri presiden, lapor Agensi Anadolu. Mustafa akan menggantikan Mohammad Shtayyeh, yang meletak jawatan pada Februari lepas sebagai respons kepada perkembangan berkaitan konflik Israel di Gaza. Menurut Agensi Berita Palestin (WAFA), Mustafa kini berkhidmat sebagai Pengerusi Dana Pelaburan Palestin (PIF), penasihat ekonomi kanan kepada Abbas dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Pembebasan Palestin. - ©BERNAMA

Sementara itu, bekas Duta Besar AS ke China Max Baucus menyifatkan acara berkenaan mencipta peluang baik kepada AS dan China untuk mengadakan dialog secara konstruktif. Menurut beliau, dua negara harus menghormati antara satu sama lain, mencari titik persamaan dan menerima perbezaan serta mencari pendekatan dan cara untuk memupuk jalinan kerjasama. - ©BERNAMA



AKSI MENENTANG OMAN PENTING BUAT HARIMAU MALAYA

KUALA LUMPUR, 15 Mac. - Penyerang naturalisasi Paulo Josue menyifatkan dua perlawanan Kumpulan D pada pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 menentang Oman bulan ini, amat penting dalam menentukan nasib skuad Harimau Malaya.

Pemain Kuala Lumpur (KL) City FC itu berkata kemenangan dalam kedua-dua pertemuan menentang pasukan di ranking ke-80 dunia itu boleh menjadi kejayaan bersejarah dengan membawa Malaysia ke pusingan ketiga Kelayakan Piala Dunia untuk kali pertama.

Beliau berkata pada pusingan ketiga kelayakan, Malaysia akan mengharungi cabaran dan pada masa sama menimba pengalaman baharu ketika bersaing dengan pasukan terbaik Asia yang juga memburu slot Piala Dunia 2026.

"Ini merupakan perlawanan penting untuk Malaysia dalam usaha mencipta sejarah kerana jika kita mendapat tiga mata di tempat lawan menentang Oman, kita hanya selangkah daripada pusingan ketiga Kelayakan Piala Dunia, dan jika mereka datang ke sini dan kita menang sekali lagi,

saya rasa kita sudah layak ke pusingan seterusnya.

"Kemudian, kita akan menghadapi semua pasukan lebih kuat di Asia seperti Korea Selatan, Jepun dan lain-lain. Jadi pada saya, perkara paling penting kepada Malaysia - untuk menjadi sebahagian daripada kejohanan sebegini, berada di sana untuk menghadapi perlawanan yang sentiasa sukar," kata pemain kelahiran Brazil berusia 35 tahun ketika ditemui semalam.

Pada masa sama, Josue berharap semua pemain dapat memberikan tumpuan sepenuhnya untuk menghadapi pertemuan dengan Oman, melakar inspirasi daripada prestasi Malaysia apabila seri 3-3 dengan Korea Selatan pada aksi kumpulan saingan Piala Asia 2023 di Qatar Januari lepas.

Malaysia yang menghuni ranking ke-132 dunia, dijadual berdepan Oman di Kompleks Sukan Sultan, Muscat pada 21 Mac ini (22 Mac, 2 pagi waktu Malaysia) sebelum melayan kunjungan Oman di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 26 Mac, 10 malam.

Setelah bermain dua perlawanan menentang Oman, skuad kendalian Kim Pan Gon akan bertemu Kyrgyzstan di Bishek

pada 6 Jun sebelum menentang Taiwan di Bukit Jalil pada 11 Jun dalam perlawanan terakhir.

Malaysia kini mengungguli Kumpulan D dengan enam mata, diikuti Oman di tempat kedua yang berkongsi tiga mata dengan Kyrgyzstan di tempat ketiga manakala

Taiwan di tangga tercorot tanpa mata.

Dua pasukan teratas dalam setiap kumpulan layak ke pusingan ketiga dan mengesahkan tempat ke Piala Asia 2027 manakala dua pasukan terbawah akan bermain di pusingan ketiga Kelayakan Piala Asia. - ©BERNAMA

Perjalanan Pearly-Thinaah terhenti di suku akhir All England

KUALA LUMPUR, 15 Mac. - Hasrat beregu wanita utama negara, Pearly Tan-M. Thinaah untuk melangkah ke separuh akhir Kejohanan Badminton All England 2024 tidak kesampaian apabila disekat pasangan ke-11 dunia, Rena Miyaura-Ayako Sakuramoto dari Jepun, hari ini.

Pada pertembungan suku akhir di Utilita Arena, Birmingham, Pearly-Thinaah yang menduduki ranking dunia ke-15 itu bermula garang apabila menumpaskan Rena-Ayako 21-11 pada set pertama.

Mereka bagaimanapun terpaksa menerima kehebatan juara Terbuka Switzerland 2023 itu apabila ditundukkan 18-21, 18-21 pada dua set seterusnya.

Ini merupakan kekalahan kedua Pearly-Thinaah kepada pasangan berkenaan

selepas Masters Jepun 2023.

Pearly-Thinaah bagaimanapun boleh berbangga pada edisi kali ini apabila dapat mengejutkan pasangan nombor satu dunia dari China, Chen Qing Chen-Jia Yi Fan, 22-20, 21-16 pada pusingan kedua semalam selepas tewas dalam lima pertemuan terakhir.

Rena-Ayako seterusnya akan melakukan perhitungan bersama rakan senegara, Nami Matsuyama-Chiharu Shida yang juga pilihan keenam kejohanan pada perlawanan separuh akhir esok.

Dua lagi wakil negara membabitkan perseorangan profesional lelaki, Lee Zii Jia dan beregu lelaki, Aaron Chia-Soh Wooi Yik akan beraksi pada awal pagi ini. - ©BERNAMA

Damok guna pengalaman MotoGP 'gegar' ARRC 2024

KUALA LUMPUR, 14 Mac. - Bekas pelumba Moto3 negara Syarifuddin Azman atau dikenali Damok sedia menggunakan pengalamannya berlumba di Kejuaraan Motosikal Dunia (MotoGP) untuk 'menggegar' litar Kejuaraan Motosikal Asia (ARRC) musim ini.

Pelumba berusia 22 tahun itu akan beraksi dalam kelas AP 250cc bersama pasukan Idemitsu, Boon Siew Honda (BSH) Racing Team dalam perlumbaan yang membuka tirai di Litar Antarabangsa Chang, Thailand esok hingga Ahad ini.

Mengakui perlu mengubah sedikit cara tunggangan dalam saingan ARRC ini, Damok menetapkan sasaran untuk menamatkan perlumbaan di podium dalam kesemua enam pusingan perlumbaan musim 2024.

"Bagi saya peralihan daripada Moto3 ia tetap beri cabaran buat saya. Saya perlu mengubah cara tunggangan dalam usaha untuk memberikan tentangan sengit.

"Saya tidak meletakkan sasaran besar namun akan cuba kekal tenang selain fokus mencari tajaan terbaik ke atas jentera

(Honda CBR250RR) yang akan ditunggangi dalam perlumbaan ini," katanya dalam sidang media secara dalam talian hari ini.

Kali terakhir Damok menyertai kejuaraan ARRC adalah pada 2019 dalam kategori sama.

Selepas Thailand, ARRC beralih ke Litar Antarabangsa Zhuhai, China (19-21 April), Mobility Resort Motegi, Jepun (7-9 Jun), Litar Antarabangsa Mandalika, Indonesia (26-28 Julai), Litar Antarabangsa Sepang (SIC) di sini (13-15 September) sebelum berakhir di Litar Antarabangsa Chang (6-8 Disember).

Semalam, Damok diumumkan menyertai kejuaraan tersebut pada sesi pengenalan pelumba pasukan BSH sekali gus menjawab teka-teki tentang nasib pelumba negara itu yang tidak lagi beraksi di MotoGP.

Turut bersama BSH ialah Zaqhwan Zaidi yang beraksi dalam kelas perdana ASB1000 bersama jentera baharu Honda CBR1000RRR 2024 sementara Md. Helmi Azman dan Azroy Hakeem Anuar berlumba dalam kelas SS600cc bersama jentera Honda CBR600RR. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

MASJID Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah terletak di Kampung Jangsak, Gadong kira-kira 14 kilometer dari Bandar Seri Begawan. Pembinaan masjid ini bermula pada 2 September 1996 dan siap setahun kemudiannya dengan perbelanjaan sebanyak BND4,136,070. Masjid ini adalah kutipan derma daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang beragama Islam serta bantuan daripada Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam. Masjid ini mula digunakan pada hari Khamis, 29 April 1999. Kapasiti masjid ini boleh menampung 1,200 orang jemaah.

SUMBER : mora.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

IBADAH PUASA MEMPUNYAI HIKMAH, RAHSIA YANG TERSENDIRI